

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 11hb. Julai, 1996**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**WARGANEGARA ASING TINGGAL MELEBIHI TEMPOH -  
BILANGAN**

**1. Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang asing yang lama berada di negara kita dengan tiada kebenaran selepas visa mereka telah tamat; dan
- (b) pecahan bilangan mengikut negara asal mereka.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian:

- (a) Mengikut rekod Jabatan Imigresen Malaysia sejak tahun 1992 hingga September 1995, seramai 1,249,189 warganegara asing telah tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan semasa masuk ke negara ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, mereka ini bukan semuanya masih berada di negara kita dan ada di antara mereka telah diberi lanjutan Pas Lawatan atau

diluluskan Pas Pengajian, Pas Lawatan (Kerja Sementara), Pas Pelajar ataupun Pas Tanggungan. Di samping itu, terdapat di antara mereka yang telah ditangkap dan dihantar pulang ke negara asal mereka. Pada masa ini Jabatan Imigresen belum mempunyai sistem untuk mengesan bilangan pelawat yang benar-benar tinggal lebih masa. Adalah dijangka kelemahan ini akan diatasi apabila Jabatan Imigresen menggunakan sistem kawalan berkomputer di dalam projek pengkomputeran dan pemodenan Jabatan Imigresen.

- (b) Pecahan mereka yang tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan oleh kelulusan asal mengikut warganegara adalah seperti berikut. Saya hanya sebut beberapa negara yang didapati bilangannya ramai sahaja, iaitu:

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN ORANG</b>
Thailand	427,760
Indonesia	411,932
Bangladesh	139,459
Taiwan	62,554
Filipina	57,956
China	49,849
India	43,512
Hong Kong	20,283
Lain-lain warganegara	35,884

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan sistem komputer. Saya ingin bertanya kepada Yang

Berhormat Timbalan Menteri bilakah pasport yang berteknologi tinggi akan dimulakan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebut tadi bahawa Jabatan Imigresen masih belum bersiap sedia dengan sistem kawalan berkomputer ataupun projek pengkomputeran dan pemodenan. Inilah salah satu sebabnya projek ‘machine readable passport’ dan juga ‘irish’ yang saya pernah sebut di sini, iaitu pasport berciri keselamatan tinggi itu dijangka akan sekali gus siap dengan sistem kawalan komputer ini, iaitu menjelang penghujung tahun ini, dijangka bulan November atau Disember, akan ada pilot project di beberapa tempat di Lembah Kelang supaya kita test sistem ini dengan mengeluarkan pasport berteknologi tinggi. Kalau semuanya licin dan tidak ada masalah, maka pada bulan Januari kita akan adakan launching secara rasmi di mana pasport baru itu akan digunakan untuk menggantikan pasport yang lama.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan penguatkuasaan undang-undang imigresen, saya menjangkakan bahawa imigresen mempunyai masalah dari segi kekuatan anggota penguatkuasanya. Sebab itulah apabila kita melihat tentang kemasukan rakyat asing ke negara kita, maka susah untuk kita mengesan apakah mereka itu mempunyai kesalahan-kesalahan yang disabitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah kementerian bercadang untuk menambahkan kekuatan penguatkuasaannya yang sekarang ini hanya 200

orang lebih kepada satu angka dan unjuran yang lebih baik yang boleh memberikan jaminan bahawa akta imigresen akan dapat dikuatkuasakan sepenuhnya walaupun sistem komputer tidak diaplikasikan lagi. Dan juga adakah cadangan ini dimasukkan dalam RMK7 dan sebagainya?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Jabatan Imigresen pada masa kini bukan sahaja dalam proses untuk menambahkan kekuatan dari segi keanggotaan kakitangannya, bahkan sistem komputer yang saya sebut tadi itu ada peringkat kedua. Peringkat pertama untuk menguruskan pasport dan juga mengesan orang keluar masuk di pintu-pintu masuk. Peringkat pertama itu akan dapat buat 'matching'. Orang yang masuk sepatutnya keluar pada satu ketika ataupun orang yang masuk dan orang yang sama itu keluar akan dapat 'matching' untuk peringkat pertama. Pada masa itu angka yang saya sebutkan tadi semuanya akan dapat secara lebih 'precise' kita tahu berapa yang 'over stay'. Itu peringkat yang pertama.

Peringkat yang kedua juga dijangka dalam tahun hadapan, kita akan cuba kalau boleh untuk penguatkuasaan dan sistem itu apabila siap, setiap orang yang hendak masuk jika dia merasa ragu-ragu Jabatan Imigresen boleh menggunakan komputer untuk mendapatkan maklumat terus daripada ibu pejabat, sama ada orang itu sudah diluluskan visanya atau belum dengan serta-merta tidak payah tanya soalan sudah tahu. Jadi, peringkat yang kedua itu akan bertambah keberkesanan penguatkuasaan dan juga ada tujuannya yang lain.

Selain daripada anggota, saya rasa sistem ini adalah sangat penting untuk membantu.

### **PERNIAGAAN KOMODITI DI KLSE - CADANGAN MENGGA BUN GKAN**

2. **Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada perancangan untuk menggabungkan perniagaan depan komoditi di KLSE (di bawah kawal selia Suruhanjaya Dagangan Komoditi), perniagaan instrumen-instrumen kewangan di MME dan KLOFFE (keduanya di bawah seliaan Suruhanjaya Sekuriti) untuk memantapkan lagi industri niaga depan negara secara keseluruhannya; dan
- (b) jika KLOFFE akan menawarkan opsyen ke atas saham-saham yang didagangkan di KLSE sebagai satu produk mengapakah pula KLSE membenarkan sesetengah saham yang diperdagangkannya diniagakan secara 'short-selling'.

**17 Julai 1996**

23. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menggalakkan lagi urusan niaga di bursa opsyen KLOFFE dan KLIBOR.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertanyaan mengenai perkara yang sama turut dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin yang dijadualkan

dijawab pada 17hb. Julai 1996, saya memohon menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak pada masa ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada dasarnya bersetuju menggabungkan pengawalseliaan pasaran niaga hadapan komoditi, di bawah kawal selia Suruhanjaya Dagangan Komoditi dengan pasaran niaga hadapan kewangan, di bawah kawal selia Suruhanjaya Sekuriti. Bagaimanapun kajian terperinci sedang dijalankan bagi menggabungkan kedua-dua Suruhanjaya ini. Kabinet baru-baru ini telah pun membuat keputusan supaya kajian untuk menggabungkan dijalankan iaitu pada 29 Mei 1996.

Dagangan opsyen saham di KLOFFE dan dagangan saham di BSKL adalah dua aktiviti dagangan kewangan yang berbeza, tetapi mempunyai perkaitan yang rapat kerana nilai opsyen saham di KLOFFE akan bergantung kepada nilai saham pendasar yang didagangkan di BSKL. Kebenaran jualan pendek di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah untuk membolehkan peserta pasaran melaksanakan urusan niaga arbitraj dengan lebih berkesan, di samping menggalakkan pelbagai strategi pelaburan dilaksanakan di KLOFFE dan di BSKL. Ia juga bagi menambah kecairan di pasaran saham dan pasaran derivatif.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi menggalakkan urus niaga di bursa KLOFFE dan di MME termasuklah:

- (i) mencadangkan supaya satu sistem pembuat pasaran dengan izin, market maker diperkenalkan di kedua-dua bursa niaga hadapan;
- (ii) menggalakkan lebih ramai dengan izin, locals atau pedagang individu untuk berdagang di kedua-dua bursa;
- (iii) menganjurkan beberapa program pendidikan untuk meningkatkan pengetahuan pelabur mengenai instrumen derivatif; dan
- (iv) membenarkan jualan pendek yang dikawal ataupun dengan izin, regulated short-selling di BSKL. Ini akan membolehkan peserta-peserta pasaran melaksanakan urusniaga arbitraj di antara pasaran niaga hadapan dan pasaran saham dengan lebih cekap.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah KLOFFE tidak disatukan dengan MME dan apakah prestasi KLOFFE sekarang, sila beritahu perkara-perkara yang dengan izin, 'mercy' dan lain-lainnya, jika prestasinya begitu rendah, apakah tahap yang dikatakan 'viable', dengan izin?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini KLOFFE sebagai satu bursa ataupun sebagai satu exchange yang mula dijalankan beberapa bulan sahaja, menerima order kontrak sehari lebih kurang 200 kontrak. Ini boleh dikatakan rendah, tetapi ianya tidak membayangkan ianya tidak 'viable' kerana proses untuk pelabur-pelabur mengetahui cara-cara menggunakan derivatif masih lagi di dalam proses pembelajaran.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Larut, berapa banyakkah kontrak sehari yang boleh dikatakan 'viable' - adalah lebih kurang 1,500 hingga 2,000 kontrak, jadi bolehlah kita katakan 'viable'.

Mengenai dengan mengapakah KLOFFE tidak disatukan dengan MME, sebenarnya dari segi teorinya ia boleh disatukan, tetapi oleh sebab sejarah yang mana MME dan KLOFFE diminta supaya ditubuhkan oleh dua kumpulan, maka KLOFFE dan MME dipisahkan. Dari segi teorinya ia boleh disatukan dan kalau perlu pada satu hari nanti kita akan satukan - insya-Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Mentakab!

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin bin Mohamed Baria:** Jerantut, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak minta pandangan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan fatwa dari segi 'short-selling'. 'Short-selling' kalau tidak silap saya, iaitu kita tidak mempunyai saham, tetapi kita jual dan selepas itu apabila saham jatuh kita beli balik, berbeza dengan the normal urus niaga yang

biasa, kita ada saham - kita jual dan mendapat keuntungan, kerugian dan sebagainya. Tetapi dari segi 'short-selling' kita tidak mempunyai saham itu, jadi apakah dari segi pandangan Islam sama ada perkara ini boleh dilakukan atau tidak, oleh kerana kita menjual sesuatu saham yang kita tidak mempunyai, kita tidak ada hak ke atas saham tersebut?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak memberi fatwa kerana saya tidak layak untuk memberi fatwa di sini. Tetapi di dalam perniagaan hadapan ataupun perniagaan mana-mana sekalipun dibenarkan pinjaman, kita bukan menjual dengan sewenang-wenangnya saham, di dalam short-selling kita tidak menjual saham dengan sewenang-senang, kita pinjam daripada saham yang telah wujud di dalam simpanan dan jikalau kita menjalankan short-selling ini dengan berjaya, menjual pada harga yang tinggi, membeli pada harga yang rendah, maka 'si' yang memberi pinjam kepada kita dia pun mendapat keuntungannya daripada dia duduk sahaja di dalam store house, tidak mendapat keuntungan dengan menggunakan short-selling dia pun akan mendapat keuntungan, bukan si peminjam yang mengoperasikan short-selling itu sahaja. Orang yang mempunyai saham itu juga akan mendapat keuntungan, tetapi kalau hendak ikut dari segi Islam, keuntungan ini tidak ditentukan secara awal, kalau untung - untunghlah, kalau rugi, dia pun mendapat kerugian juga. Dalam prinsip Islam kita mengongsi keuntungan dan juga mengongsi kerugian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Kamal bin Salleh.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Dato' Dr. Kamal bin Salleh tidak hadir]*

#### **ELEKTRIK DI NEGERI SARAWAK - MENAMBAH BEKALAN**

4. **Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh kementerian beliau pada tahun 1996 untuk memastikan lebih ramai lagi penduduk-penduduk di luar bandar Sarawak akan menikmati bekalan elektrik dengan kadar yang segera dan sama ada beliau berhasrat menambahkan lagi peruntukan kewangan untuk tujuan ini.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar**

**[Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1996 kerajaan akan membelanjakan peruntukan berjumlah RM45 juta untuk melaksanakan sejumlah 89 projek yang dijangka akan memberi manfaat kepada lebih kurang 5,000 keluarga di negeri Sarawak.

Untuk menentukan lebih ramai penduduk-penduduk di luar bandar menikmati bekalan elektrik luar bandar, kementerian telah menggunakan sistem alternatif daripada gred yang sedia ada iaitu termasuk sistem solar, mini hidro dan penjanaan diesel.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sistem sekarang ialah untuk melaksanakan bekalan elektrik di luar bandar di Sarawak, iaitu permintaan dari rakyat dihantar oleh wakil rakyat kepada pegawai pembangunan negeri Sarawak. Jadi, keputusan untuk area yang dilaksanakan, wakil rakyat tidak memainkan peranan untuk konsultasi, oleh

kerana itulah proritas atau kelayakan kadang-kadang tidak betul. Bolehkah kementerian mengkaji supaya sebelum 'RES' atau sistem bekalan elektrik luar bandar ini diluluskan, wakil rakyat diberitahu atau diberi pertimbangan cadangannya, jadi bolehkah dikaji semula perkara itu?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar atas banyaknya keperluan dan permintaan mengenai bekalan elektrik luar bandar dan kita juga terhad dari segi peruntukan untuk memenuhi segala kehendak-kehendak rakyat, tetapi kita berusaha sedaya upaya untuk menentukan secepat mana yang boleh kita akan membekalkan kepada penduduk luar bandar.

Jadi, peranan Ahli-ahli Yang Berhormat ataupun wakil rakyat yang ada di sini juga diakui oleh kerajaan, maka kita berharap wakil rakyat dapat berbincang dengan pegawai-pegawai daerah dan juga mengemukakan cadangan-cadangan kepada pegawai pembangunan negeri supaya ianya dapat ditimbang sama. Kalau kita hendak rujuk balik permohonan mungkin masa tidak mencukupi, tetapi kita bersedia menerima pandangan dari Ahli Yang Berhormat bagaimana kita dapat melibatkan Ahli Yang Behormat dalam pelaksanaan projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan lebih berkesan supaya memenuhi hasrat dan inspirasi rakyat yang dijaganya.

**TELEFON BIMBIT - PENGGUNA TERKENA  
PENYAKIT BARAH OTAK**

5. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah [Pasir Puteh]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementeriannya membuat penyasatan bahawa pengguna-pengguna telefon bimbit terdedah kepada penyakit barah otak seperti yang dilaporkan oleh akhbar di Britain. Ahli-ahli saintis Britain dan Amerika Syarikat telah menyatakan ramai pengidap barah otak adalah disebabkan oleh gelombang telefon tersebut. Jika tidak, bilakah kajian ini akan dibuat kerana ia melibatkan kepentingan kesihatan orang ramai yang menggunakan telefon tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Kesihatan belum lagi bercadang untuk melakukan kajian tentang kemungkinan bahawa pengguna-pengguna telefon bimbit adalah terdedah kepada penyakit barah otak sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar di Britain.

Sehingga kini belum ada lagi bukti-bukti saintifik yang benar-benar konkrit yang dapat menyokong dakwaan segelintir penyelidik dari Barat tersebut tentang hubungan penyakit barah otak dengan penggunaan telefon bimbit.

Buat masa ini mengikut keutamaan fokus, kementerian lebih menumpukan kajian tentang kesan penyimpanan alam sekitar, pemakanan dan kesan merokok terhadap kejadian kanser paru-paru, rongga mulut dan organ-organ lain.

#### **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA - JUMLAH KONTRAKTOR BERDAFTAR**

6. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah permohonan yang diterima untuk berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia; dan

- (b) sama ada kementerian bercadang untuk melanjutkan tempoh pendaftaran memandangkan masih ramai kontraktor yang belum membuat permohonannya.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan ini, berikut adalah maklumat mengenai pendaftaran kontraktor dengan CIDB:
  - (i) Borang-borang yang telah dikeluarkan untuk dijual kepada kontraktor sebanyak 70,000.
  - (ii) Permohonan yang telah diterima semula sebanyak 20,000.
  - (iii) Permohonan dalam proses sebanyak 16,500.
  - (iv) Permohonan yang telah diluluskan sebanyak lebih kurang 5,000.
- (b) Kementerian tidak bercadang untuk melanjutkan tempoh permohonan pendaftaran kontraktor yang akan tamat pada 19hb. Julai, 1996 ini.

Sungguhpun demikian, saya ingin memaklumkan bahawa selepas 19hb. Julai, 1996 para kontraktor masih terus boleh mengemukakan permohonan pendaftaran dengan CIDB. Bagi kontraktor-kontraktor yang sedang menjalankan kerja-kerja binaan tetapi mereka tidak mendaftar atau sebelum

19hb. Julai, 1996 dan sekiranya mereka masih meneruskan kerja-kerja, maka mereka dianggap telah melanggar peraturan dan boleh dikenakan tindakan bagi tempoh mereka membuat kerja-kerja tanpa pendaftaran itu, sepertimana peruntukan di bawah peraturan pendaftaran sehinggalah mereka mendaftar dengan LPIP (CIDB).

Kontraktor yang tidak membuat permohonan pendaftaran pada atau sebelum 19hb. Julai, 1996 dan mereka tidak menjalankan kerja-kerja binaan selepas 19hb. Julai, 1996, mereka tidak melanggar mana-mana peraturan.

Namun demikian, pada tarikh mereka mula menjalankan kerja selepas 19hb. Julai, 1996 mereka perlulah membuat permohonan untuk mendaftar. Sekiranya mereka tidak berbuat demikian, maka mereka dianggap sebagai melanggar peraturan dan boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, pada mula-mulanya saya ingin memberitahu kepada Dewan ini bahawa borang permohonan mendaftar tukang mahir sudah habis dijual di Tingkat 19, Menara UMNO atau Putra World Trade Centre, tadi saya baru pergi dan tiada borang lagi dapat dijual.

Tuan Yang di-Pertua, dalam borang permohonan untuk mendaftar sebagai kontraktor, kontraktor-kontraktor yang kecil iaitu sub-kontraktor menghadapi masalah dalam mengisi borang ini kerana borang ini mereka memerlukan pengesahan dari bank untuk memastikan sama ada prestasi urusan akaun bank mereka adalah memuaskan dan kedua, mereka perlu mendapat

pengesahan daripada pegawai pembangunan daerah atau perlu mendapat pengesahan dari arkitek atau engineer. Kebanyakan sub-kontraktor ini mereka menjalankan kerja-kerja ubahsuai rumah kediaman atau mengambil kontrak secara kecil-kecilan sahaja. Mereka tidak dapat pengesahan dari bank ...

**Beberapa Ahli:** Soalan?

**Tuan Lim Hock Seng:** Soalannya inilah nanti. Mereka tidak dapat pengesahan dari bank, tidak dapat pengesahan dari arkitek atau engineer dan bagaimana mereka dapat didaftar sebagai kontraktor dan di bawah kategori mana mereka boleh didaftarkan?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua. Ini bersangkutan paut perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah satu sahaja.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, pada lazimnya sama ada seseorang kontraktor itu 'main contractor' atau sub-kontraktor, kedua-duanya perlu mendaftar dengan lembaga. Dan soal pengesahan kelayakan ataupun urusan dengan bank berkenaan dengan pengesahan kerja-kerja yang berurusan, itu adalah di antara kontraktor itu dengan bank ataupun dengan 'main contractor' sendiri.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pendaftaran kontraktor-kontraktor dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia adalah suatu exercise yang baru,

ramai kontraktor masih belum memahami prosedurnya dan ada pula yang tidak sedar akibatnya kalau tidak didaftarkan.

Adakah Kementerian Kerja Raya ataupun lembaga ini bercadang supaya mengadakan sesi taklimat untuk pertubuhan-pertubuhan kontraktor-kontraktor di seluruh negara supaya syarat-syarat dan prosedur berkenaan dapat diterangkan dan kontraktor-kontraktor tidak lagi merasa keliru tentang pendaftaran itu.

**Datuk Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini, sebelum tamatnya tarikh pendaftaran pada 19hb. Julai, ataupun jauh sebelum ini, pihak CIDB telah pun mengadakan road shows di seluruh negara untuk menerangkan seluk-beluk pengisian borang dan implikasi yang berkaitan dengan pendaftaran ini. Saya percaya selain daripada itu, makluman-makluman melalui surat khabar, radio dan televisyen juga telah dibuat dan publisiti secara meluas, pendek kata, sudah pun dibuat.

Namun demikian, seperti saya katakan awal-awal tadi, kalau masih ada yang belum faham, oleh kerana walaupun tarikh pendaftaran tidak akan dilanjutkan, para kontraktor yang belum mendaftar masih boleh mendaftar dan kalau tak faham boleh datang ke pejabat kerana pada masa-masa yang akan datang, pihak CIDB juga akan membuka pejabat di semua wilayah pantai timur, utara, selatan dan juga termasuk Sabah dan Sarawak.

Saya percaya ini akan memenuhi kehendak para kontraktor sama ada yang belum faham atau yang sudah faham dan yang belum mendaftar untuk mendaftar ke pejabat-pejabat yang akan ditubuhkan.

### **BERAS - LANGKAH MENGATASI KEKURANGAN**

7. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah langkah kerajaan untuk menghadapi kemungkinan kekurangan bekalan beras dalam dua dekad akan datang di Asia oleh pakar berautoriti; dan
- (b) adakah kerajaan sedar bahawa kecukupan bahan makanan adalah perkara yang sangat strategik bagi keutuhan negara, sama ada di waktu aman lebih-lebih lagi di waktu perang, dan jika sedar, sejauh manakah daya usaha kerajaan untuk memastikan perkara tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian memang sedar bahawa pengeluaran padi di dunia dijangka hanya akan meningkat dengan sedikit sahaja. Pemerhatian ini dibuat berdasarkan analisis data pengeluaran padi dunia untuk lima tahun kebelakangan iaitu dari 1990/1991 hingga 1994/1995. Jumlah pengeluaran padi pada tahun 1990/1991 adalah 518 juta metrik tan dan pada tahun 1994/1995 ialah 533 juta metrik tan. Ini bermakna, secara purata pengeluaran padi dunia dari tahun 1990/1991 hingga 1994/1995 adalah 522 juta metrik tan.

Peningkatan pengeluaran ini adalah kecil berbanding dengan peningkatan penggunaan akibat pertambahan penduduk dunia. Dari jumlah pengeluaran ini hanya 3% - 5% pengeluaran beras diperdagangkan di pasaran dunia, iaitu kira-kira 15 - 18 juta metrik tan setahun sahaja. Dengan menyedari hakikat tersebut bahawa negara tidak boleh terlalu bergantung kepada pengimportan beras dari pasaran antarabangsa, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) memastikan pengeluaran beras dalam negara dapat memenuhi sekurang-kurang 65% daripada permintaan negara. Saya tegaskan, sekurang-kurang 65% daripada permintaan negara;
- (ii) pengeluaran padi kawasan jelapang padi di tingkatkan melalui usaha-usaha seperti meningkatkan intensiti tanaman dan penggunaan benih yang bermutu, penggunaan jentera dengan cara yang sistematik;
- (iii) meningkatkan daya pengeluaran kawasan-kawasan yang sedia ada melalui usaha pengurusan yang efisien, pengurusan air yang cekap termasuk meratakan tanah atau levelling, dengan izin, dan kawalan makhluk perosak bersepadu.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah meminta kerajaan-kerajaan negeri untuk tidak menukar penggunaan tanah-tanah padi untuk aktiviti ekonomi yang lain. Ini adalah untuk memastikan terhadap kawasan yang mencukupi untuk tanaman padi. Sektor swasta juga digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti tanaman padi secara komersil dan cadangan ini mula mendapat respon yang positif dari sektor swasta. Sektor swasta juga digalakkan melabur dalam aktiviti tanaman padi di negara-negara jiran - reverse investment, dengan izin, supaya dapat menjamin bekalan beras yang mencukupi untuk negara.

- (b) memang tidak dapat dinafikan bahawa kecukupan bahan makanan adalah perkara yang strategik bagi keutuhan keselamatan negara. Ini adalah di antara sebab-sebab utama mengapa negara-negara maju mempertahankan dan melindungi sektor pertanian mereka. Langkah-langkah juga telah diambil untuk memastikan negara dapat menjamin pengeluaran makanan yang mencukupi. Langkah-langkah ini telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, antaranya ialah:

- (i) negeri-negeri mengzonkan kawasan yang mencukupi untuk tujuan pengeluaran makanan;
- (ii) mewujudkan taman teknologi pertanian atau agrotechnology park, dengan izin; dan
- (iii) meminta syarikat-syarikat perladangan untuk menceburi dalam pengeluaran makanan dengan memperuntukan sebahagian daripada kawasan di bawah tanaman industri untuk tujuan pengeluaran makanan; dan
- (iv) mewujudkan dana kredit yang cukup yang dinamakan “Tabung Untuk Makanan” atau 3F untuk memperuntukkan syarikat dan individu membiayai projek tanaman makanan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, di samping senjata canggih, pertahanan negara juga bergantung kepada makanan. Terbukti negara-negara yang menghadapi tekanan dunia seperti Vietnam, Pakistan, Iran dan China mampu bertahan, sebaliknya Iraq dan Korea Utara ternyata mereka gagal menghadapi masalah tekanan antarabangsa. Menyedari hal itu, apakah langkah kementerian secara sungguh-sungguh untuk memberi subsidi kepada pekebun-pekebun atau petani-petani sehingga 100% sebab pertahanan adalah satu senjata untuk kewibawaan negara. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik subsidi bahkan menambah subsidi kepada

petani-petani supaya keselamatan makanan ini kita jaga sungguh-sungguh dalam era dunia yang tidak menentu sekarang?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini kementerian saya tidak berhasrat untuk menarik subsidi untuk padi iaitu kita telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta setahun untuk subsidi baja dan juga subsidi harga padi.

Namun demikian, kita tidak berhajat untuk mengeluarkan subsidi di sektor pertanian yang lain ke arah mengembangkan saiz pengeluaran bahan-bahan makan negara kita. Dari segi padi, saya rasa kita mempunyai potensi, sehingga ini kita baru menanam sebanyak seluas 69,537 ekar sahaja dari tanah kita sebanyak 191,341 ekar di Semenanjung.

Jadi, maknanya peluang begitu besar, tinggal lagi, baki tanah yang ada ini kita harapkan akan dimajukan oleh pihak swasta secara komersil. Ini terutama sekali dalam bidang tanah terbiar. Terdapat 56,118 ekar tanah terbiar di seluruh negara kita. Jadi, menerusi Jabatan Parit dan Taliair kita telah mengenal pasti dan kerajaan sedang memikirkan bagaimana cara hendak mengatasi penggunaan tanah terbiar, mungkin dengan mengadakan peraturan-peraturan baru yang sedang dikaji pada masa ini.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen yang mewakili kawasan jelapang padi, saya amat gembira dan mengucapkan syabas di atas langkah-langkah yang kerajaan akan ambil untuk meninggikan

lagi produktiviti- produktiviti padi di negara kita. Persoalannya ialah, bagaimana perancangan yang begitu baik dapat dilaksanakan sekiranya kemudahan-kemudahan asas di kawasan-kawasan jelapang padi ini tidak diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan. Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Projek Barat Laut di Negeri Selangor telah memohon sebanyak RM62 juta untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan asas di kawasan Tanjong Karang, tetapi kelulusan yang diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh hanya RM10 juta, tidak sampai pun 10%. Jadi, bagaimana projek-projek dan langkah-langkah kerajaan ini hendak dilaksanakan oleh Projek Barat Laut Selangor dan adakah kementerian bercadang untuk memilih kawasan Barat Laut Selangor sebagai pilot projek untuk mencapai tahap produktiviti padi iaitu 7 tan bagi satu hektar di dalam rancangan kerajaan untuk mengusahakan tanaman 5 kali untuk 2 tahun?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, dan saya rasa beliau begitu arif tentang tanaman padi dan beberapa kali beliau telah menemui saya dan dapat mengetahui di mana ceruk yang sepatutnya diperbaiki. Jadi, saya yakin dan percaya kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil berat seumpama ini, insya-Allah, tambahan pengeluaran padi kita akan meningkat.

Kementerian saya sedang mengkaji supaya sesuatu pilot projek “IADP” perlu dikaji untuk memastikan hala tuju pembangunan pengeluaran padi. Pada masa ini, pada dasarnya kita bersetuju supaya Barat Laut Selangor ini dipilih dahulu sebagai pilot projek untuk meningkatkan produktiviti padi, dan walaupun permohonan RM62 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh diluluskan RM10 juta, maka kementerian sedang mengkaji supaya peruntukkan yang munasabah akan dapat ditimbang dari semasa ke semasa dengan syarat Ahli Yang Berhormat akan terus memberi kerjasama bagi menjayakan cita-cita kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman.

*[Soalan No. 8 - Y. B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman tidak hadir]*

#### **INDUSTRI JUALAN LANGSUNG - PERKEMBANG MUTAKHIR**

**9. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan perkembangan dalam industri jualan langsung seperti:

- (i) jumlah lesen dikeluarkan dan jumlah lesen dibatalkan dan sebab-sebabnya; dan
- (ii) sumbangan industri ini dalam ekonomi negara dan jumlah syarikat yang menyeleweng dari maksud dikeluarkan dan apakah bentuk tindakan yang diambil.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) semenjak berkuatkuasanya Akta Jualan Langsung 1993 pada 1hb. Jun 1993, sejumlah 905 lesen telah dikeluarkan sehingga 30hb. Jun 1996. Daripada jumlah ini sebanyak 148 syarikat telah tamat lesennya tanpa diperbaharui atas sebab-sebab berikut:
- (i) sejumlah 144 syarikat telah tutup perniagaan dan tidak lagi menjalankan perniagaan berbentuk jualan langsung; dan
  - (ii) sejumlah 4 syarikat telah tidak dibaharui lesen kerana melanggar syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan.
- (b) industri ini telah memberi sumbangan kepada ekonomi negara dengan cara memberi peluang kepada pengguna meneliti mutu barang sebelum membelinya, mengetahui dengan lebih mendalam cara mengguna barang tersebut di tempat yang lebih selesa iaitu di rumah atau di tempat kerja pelanggan itu sendiri telah diterima baik oleh pengguna di Malaysia. Hasil penerimaan ini beserta dengan penguatkuasaan Akta Jualan Langsung, 1993 industri ini telah dapat berkembang dengan pesat dari segi jumlah jualan, bilangan pengedar yang terlibat dan juga jenis-jenis barang yang dipasarkan.

Dengan jumlah jualan pada tahun 1995 sebanyak RM2,000 juta, sektor ini telah memberi peluang kepada hampir satu juta pengedar-pengedar sepenuh masa dan separuh masa menambah sumber pendapatan keluarga bagi menikmati kehidupan yang lebih selesa. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil daripada syarikat-syarikat yang berlesen melaksanakan pelan

pemasaran yang lebih memilih kepada skim cepat kaya, iaitu memperdaya orang ramai membeli inventori yang banyak pada harga yang tidak berpatutan. Kementerian telah mengesan 4 buah syarikat yang mana lesen mereka telah tidak dibaharui kerana pihak syarikat dan pengedar-pengedarnya didapati menjalankan perniagaan yang melanggar peruntukan-peruntukan Akta Jualan Langsung 1993. Di antara perlanggaran yang dilakukan ialah:

- (i) mengubah pelan pemasaran tanpa kelulusan pengawal jualan langsung;
- (ii) syarikat memerlukan pembelian barang-barang jualannya sebelum diterima sebagai ahli;
- (iii) syarikat mengutip bayaran kemasukan secara berleluasa tanpa mempunyai barang yang mencukupi untuk diedar; dan
- (iv) penyelewengan dari segi pembayaran bonus dan komisen kepada pengedar-pengedarnya serta dalam pengurusan syarikat.

Keempat-empat syarikat ini merupakan syarikat yang mengamal pelan pemasaran berbentuk berbilang tingkat. Bagi menentukan syarikat-syarikat yang berlesen ini tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan serta memenuhi keperluan Akta Jualan Langsung, kementerian melesenkan syarikat berbilang

tingkat setiap tahun supaya perjalanan perniagaan mereka diawasi dengan lebih teliti.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita maklum, salah satu dasar kerajaan ialah untuk mewujudkan masyarakat penyayang. Syarikat-syarikat jualan langsung selalunya menggunakan jurujualnya melawat rumah ke rumah pada hujung minggu, semasa keluarga ingin berehat-rehat dengan anak dan isteri untuk memupuk semangat penyayang ini. Jadi, memandangkan kepada hakikat ini apakah kementerian bercadang untuk menghapuskan sahaja sistem jualan langsung ini kerana ia bercanggah dengan apa yang kita hendak capai?

**Dato' Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pengedar-pengedar atau agen-agen syarikat jualan langsung hanya dibenarkan melawat dari rumah ke rumah pada masa waktu pejabat. Kalau mereka hendak jualkan barang-barang jualan langsung pada hari minggu, mereka hendaklah mendapatkan kebenaran atau 'appointment' dahulu, kalau tidak, mereka akan melanggar peruntukan-peruntukan Akta Jualan Langsung, 1993 dan mereka boleh diambil tindakan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terdapat banyak makanan untuk kesihatan atau 'health food' dan juga makanan yang berkhasiat atau 'nutritious food' yang dipasarkan melalui jualan langsung, tetapi bukan kesemuanya adalah tulen dan

baik untuk kesihatan. Maka apakah peratusan syarikat-syarikat jualan langsung yang menjual makanan-makanan tersebut dan juga bagaimana kementerian dapat mengawal makanan-makanan itu supaya memastikan ia berfaedah untuk kesihatan manusia dan juga bagaimana harga yang terlampau tinggi tidak berlaku?

**Dato' Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, barang-barang kesihatan yang dijual oleh syarikat jualan langsung sebelum mereka boleh jualan barang-barang ini, mereka perlulah mendapatkan kebenaran atau mendapat sijil pendaftaran dari Kementerian Kesihatan.

Dari segi harga yang tinggi, sebenarnya saya telah pun terangkan pada masa dahulu, oleh kerana barang barangan yang dijual oleh syarikat jualan langsung tidak dikawal oleh kerajaan, ini kerana kebanyakan barangan ini bukan dalam kategori 'barang keperluan harian'. Sungguhpun demikian, kementerian ini selalu mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas aduan-aduan pengguna mengenai harganya terlalu tinggi dan tindakan telah pun diambil jika didapati ada syarikat yang menjual harga barangan yang terlalu tinggi. Oleh itu, jikalau Yang Berhormat ada maklumat yang tepat, bolehlah majukan kepada kementerian saya.

#### **RUMAH MURAH TERBENGKALAI - JUMLAH DAN SEBAB**

**10. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah rumah murah yang terbengkalai dan apakah sebab utama yang menyebabkan rumah ini terbengkalai; dan
- (b) nyatakan negeri yang didapati paling banyak projek rumah yang terbengkalai.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'**

**Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian tidak menyimpan perangkaan khas mengenai bilangan rumah murah yang terbengkalai. Masalah kewangan merupakan sebab-sebab utama projek-projek perumahan terbengkalai. Bagaimanapun, masalah ini diatasi dengan wujudnya akuan pemaju perumahan yang berkuatkuasa pada 26hb. Ogos 1991. Di samping itu, Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan juga menjalankan pengawasan ke atas projek-projek perumahan melalui lawatan-lawatan. Pemaju-pemaju juga diperlukan menghantar laporan kemajuan projek setiap 6 bulan kepada kementerian.
- (b) Negeri yang mempunyai terbanyak projek perumahan terbengkalai pada 31hb. Disember 1985 adalah negeri Johor.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengalu-alukan langkah yang telah dibuat oleh kementerian di atas mengawasi dan juga melaksanakan kerja-kerja untuk membina rumah-rumah murah di negeri-negeri. Tetapi adakah kementerian sedar bahawa kelewatan ataupun

terbengkalainya projek-projek perumahan oleh pemborong-pemborong ataupun kontraktor yang berkenaan adalah disebabkan oleh masalah tanah yang tidak selesai. Jadi, adakah kementerian bersetuju bahawa pihak pentadbiran tanah daerah juga haruslah dipersalahkan sekiranya masalah-masalah ini terbengkalai begitu lama yang boleh mendatangkan kerugian kepada kontraktor ataupun pemborong seterusnya?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila projek-projek ini terbengkalai banyak masalah ataupun faktor-faktor yang menyebabkan projek-projek ini terbengkalai dan saya bersetuju bahawa salah satu masalah yang dihadapi oleh pemaju ialah masalah yang ditersebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, bagi pembeli-pembeli rumah murah yang mana terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah ini apabila projek rumah yang mereka beli itu terbengkalai seolah-olah mereka ini sudah jatuh ditimpa tangga. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah bentuk-bentuk bantuan sama ada yang dirancang ataupun yang akan diberikan kepada pembeli-pembeli rumah yang mana sudahlah projek mereka ini terbengkalai, rumah tak dapat, kemudian terpaksa berhutang pula kepada pihak bank. Jadi, apakah langkah yang dibuat oleh kerajaan bagi membantu golongan yang saya sebutkan tadi?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Bank Negara ada mengeluarkan satu dana untuk menyelesaikan masalah rumah-rumah yang terbengkalai ini. Bagaimanapun kita didapati bahawa seandainya rumah-rumah yang terbengkalai ini berada dalam Negeri Johor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur ataupun Negeri Selangor dan juga Pulau

Pinang maka projek-projek yang terbengkalai tadi boleh dipulihkan. Disebabkan apabila satu-satu projek itu terbengkalai, kadangkala disebabkan kos yang meningkat, kebanyakan projek yang terbengkalai ini di tahun 80-an iaitu 1987, 1988 di masa itu kos pembinaan melambung tinggi dan menyebabkan projek-projek ini kosnya melebihi daripada harga jualan. Tetapi oleh kerana harga rumah di Johor, Wilayah Persekutuan, Selangor dan juga Pulau Pinang meningkat begitu tinggi maka projek-projek yang terbengkalai boleh dipulihkan. Oleh kerana pembeli-pembeli tadi sanggup untuk sama-sama mengeluarkan wang dengan pemaju untuk memulihkan projek. Tetapi bagi negeri-negeri lain di mana permintaan rumah tidak begitu tinggi, maka pembeli tidak sanggup untuk mengeluarkan wang tambahan dan disebabkan itulah maka projek-projek ini walaupun mendapat dana bantuan daripada Bank Negara tidak dapat dipulihkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Paul Noutin.

*[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Paul Noutin tidak hadir]*

#### **KAPAL TERBANG TUDM - JUMLAH KEMALANGAN**

12. **Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah]:** minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) jumlah kemalangan kapal terbang Tentera Udara Diraja sepanjang tahun ini; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasinya.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pertanyaan:

- (a) Di antara bulan Januari hingga 10 Jun tahun ini terdapat 4 kemalangan yang melibatkan kemusnahan keseluruhan pesawat di mana seorang juruterbang telah turut terkorban.

- (b) Bagi makluma Ahli Yang Berhormat, tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kemalangan pesawat TUDM adalah dengan mengkaji punca-punca kemalangan tersebut. Setiap pesawat diwajibkan menjalani pemeriksaan dan diisytiharkan serviceable sebelum dibenar untuk diterbangkan. Sehubungan dengan itu, pesawat-pesawat yang telah mencukupi jangka masa terbang yang dihadkan akan menjalani pemeriksaan berjadual yang lengkap. Bagi setiap kemalangan yang berlaku, penyiasatan rapi dilakukan dan faktor-faktor menyebabkan kemalangan dikaji dengan terperinci, seterusnya tindakan-tindakan positif diambil untuk mengatasi kelemahan supaya kemalangan yang sedemikian tidak berulang. Sehubungan ini, antara tindakan tegas yang diambil ialah meningkatkan kecekapan serta kemahiran juruterbang-juruterbang TUDM dengan menjalani latihan simulator, dengan `izin, secara intensif. Melalui latihan simulator ini juruterbang-juruterbang dapat didedahkan kepada situasi-situasi kecemasan atau emergency, dengan izin, yang tidak dapat dijalani secara praktikal dengan menggunakan pesawat sebenar.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa sebelum kapal terbang itu di terbangkan diperiksa kapal terbang terlebih dahulu dengan teliti, tetapi kebanyakan kapal terbang yang jatuh adalah disebabkan oleh technical error ataupun kesilapan manusia sendiri ataupun kesilapan teknik. Jadi di manakah kecekapannya, kalau kita kata kapal terbang itu sudah disiasat, di periksa sebelum dia terbang, tapi dia terbang-terbang dia jatuh. Jadi sudah jatuh banyak ini adakah kerajaan pula hendak 'insured'kan kapal terbang ini dan

termasuk dengan juruterbang sekali supaya kerajaan tak rugi, dengan kapal terbang dok jatuh banyak sangat ini?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan sedang mengkaji untuk hendak issuer pesawat-pesawat kita agar kerugian yang kita dok alami dapat dikurangkan pada masa hadapan. Begitu juga dengan para juruterbangnya, ini terpulang kepada mereka sendiri, kita ada skim-skim yang tertentu dalam kementerian kita bagi pada anggota tentera untuk mendapatkan coverage yang mana premiumnya agak munasabah juga.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri setelah pemeriksaan itu dijalankan namun berlaku juga kemalangan. Jadi, saya ingin mengemukakan soalan tambahan iaitu dalam keadaan begini adakah Kementerian Pertahanan sedar bahawa ini menyebabkan moral di kalangan tentera terjejas oleh kerana kelengkapan-kelengkapan jika keperluan timbul menghadapi sesuatu yang di luar jangkaan memandangkan mungkin kapal-kapal kita sudah terlalu uzur untuk menghadapi apa juga kemungkinan. Jika sedar, apakah tindakan pihak kementerian ataupun kerajaan untuk menghadapi segala kemungkinan yang di luar daripada jangkaan memandangkan kelengkapan kita, saya percaya, tidak begitu sophisticated untuk menghadapi sesuatu keadaan.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzilbin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kemalangan berlaku di mana sahaja, dalam apa keadaan sekalipun, malah kemalangan di angkasa melibatkan kapal terbang atau pesawat terbang berbandingkan peratusannya dengan kemalangan jalan raya atas darat lebih teruk di atas darat. Ini jelas menunjukkan bahawasannya sebab itu moral anggota tentera dalam TUDM tidak luntur walau sedikit walaupun ada kemalangan berlaku dari masa ke semasa.

**TELEKOM MALAYSIA BERHAD - JUMLAH KAKITANGAN  
YANG DIBERHENTIKAN**

13. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) sehingga Mei, 1996, berapakah jumlah sebenar kakitangan Telekom Malaysia Berhad (TMB), jumlah yang diberhentikan melalui Skim Pengurangan kakitangan berlebihan, jumlah pampasan yang dibayar kepada mereka dan apakah faktor yang menyebabkan skim ini dilaksanakan; dan
- (b) apakah insentif yang disediakan selain pampasan kepada kakitangan yang diberhentikan/berhenti pilihan agar mereka dapat menyara hidup dan keluarga boleh diteruskan walaupun mereka bersara/dibersarakan dalam tempoh usia yang muda tetapi mereka mempunyai pengalaman dan kemahiran tertentu.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan:

- (a) Sehingga bulan Mei 1996 jumlah kakitangan sebenar Telekom Malaysia ialah 28,320 orang, manakala kakitangan yang telah bersara kerana telah mencapai umur persaraan wajib ialah 119 orang. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Mei, tahun ini hanya 525 orang daripada 1,079 orang kakitangan yang ditawarkan telah memilih untuk menyertai skim pengurangan kakitangan yang diperkenalkan oleh Telekom Malaysia. Jumlah pampasan yang dibayar ialah dalam lingkungan RM19,676,100.43 ataupun 37,478 setiap kakitangan.

Tujuan utama skim tersebut dilaksanakan termasuklah:

- (i) untuk memberi peluang kepada kakitangan yang mempunyai kemahiran-kemahiran perniagaan untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan

secara aktif. Hal ini adalah selaras dengan usaha-usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat pengusaha-pengusaha baru dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

- (ii) Peningkatan produktiviti syarikat Telekom Malaysia berikutan daripada penyusunan automasi pejabat dan teknologi moden secara berperingkat-peringkat. Langkah ini menyebabkan kerja-kerja yang selalunya dilakukan secara manual digantikan dengan penggunaan peralatan canggih dan moden.

- (b) Selain daripada pampasan, kakitangan yang memilih bersara sebelum mencapai umur persaraan adalah layak mendapat bayaran pencen apabila telah mencapai umur persaraan dengan syarat mereka telah berkhidmat tidak kurang 5 tahun selepas Telekom Malaysia diswastakan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Telekom Malaysia juga telah memperkenalkan satu skim di mana bekas-bekas kakitangan Telekom Malaysia yang berpengalaman akan dipertimbangkan untuk tawaran-tawaran kerja pembekalan yang diperlukan oleh Telekom Malaysia.

Ini adalah antara usaha-usaha syarikat bagi membantu bekas-bekas kakitangannya melibatkan diri dalam bidang perniagaan sepenuh masa. Tinjauan Syarikat Telekom Malaysia setakat ini menunjukkan kebanyakan bekas-bekas kakitangannya yang telah memilih untuk bersara awal berjaya mendapat pekerjaan yang baik dan gaji yang lebih tinggi dengan syarikat-

syarikat swasta lain kerana mempunyai pengalaman yang berguna dalam aspek-aspek telekomunikasi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri mengatakan bahawa pekerja-pekerja yang bersara ini diberi peluang untuk berniaga dan mencari peluang-peluang yang lain dengan pengalaman yang ada. Adakah Telekom sendiri mengadakan skim vendor dan diberi peluang kepada bekas-bekas pekerja Telekom untuk menjalankan urusan niaga skim vendor kepada Syarikat Telekom itu sendiri, kalau tidak, kenapa?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang ini dalam skim vendor Telekom Malaysia kita telah mengenal pasti lebih kurang 27 orang untuk menyertai skim ini. Di antaranya adalah merupakan bekas kakitangan Telekom Malaysia. Dalam 27 orang terlibat dalam skim vendor Telekom Malaysia ini, memang juga banyak mengkaji ataupun mendapat perkhidmatan bekas kakitangan Telekom Malaysia.

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN -  
ADUAN/KEMUSYKILAN MENGENAI KELEWATAN  
PEMBAHARUAN LESEN**

14. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak aduan terhadap Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dari sektor perladangan dan perindustrian di Tawau kerana kemusykilan dan kelewatan yang timbul dalam pembaharuan lesen kenderaan perdagangan:

- (a) apakah sebabnya yang mengakibatkan gejala sedemikian; dan
- (b) apakah kementerian bercadang menubuhkan cawangan LPKP di Tawau untuk mengatasi masalah yang berkenaan. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Usahawan sedar bahawa sebilangan kecil pemegang lesen kenderaan perdagangan di Sabah khususnya di Tawau menghadapi masalah kelewatan pembaharuan lesen perdagangan mereka. Terdapat sebanyak 180 daripada 5,660 permohonan pembaharuan yang diterima pada tahun 1995 dibawa kepada tahun 1996, iaitu sebanyak 3.5% sahaja. Sebab-sebab kelewatan ialah:
  - (i) bilangan permohonan pembaharuan bertambah sebanyak 109%, iaitu daripada 2,701 dalam tahun 1994 kepada 5,690 dalam tahun 1995;
  - (ii) pemerosesan pembaharuan permohonan masih dibuat secara manual. Kementerian sedang berusaha melengkapkan Pejabat LPKP di Sabah dengan komputer supaya urusan pembaharuan

dapat dipercepatkan mengikut piagam melalui pengguna komputer; dan

- (iii) terdapat juga sebilangan kecil pemegang lesen tidak membekalkan alamat yang betul, di mana surat-surat LPKP dikembalikan oleh pihak Pos. Ini juga melambatkan proses pembaharuan lesen kenderaan perdagangan di Sabah.

- (b) Kementerian Pembangunan Usahawan telah mencadangkan kepada kerajaan untuk membuka cawangan LPKP di Sandakan dan Tawau. Agensi pusat masih mengkaji cadangan ini.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa ada kala kelewatan itu disebabkan oleh kerana kad-kad pengenalan pemegang lesen itu ada ‘duplication’, dengan izin. Jadi, pihak yang berkuasa tidak dapat menentukan siapakah sebenarnya, identiti kad siapa yang betul dan mana yang tidak betul. Kalau ini berlaku, apakah tindakan pihak kerajaan atau kementerian untuk mengatasi perkara ini?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Kita belum mendapat aduan sebagaimana yang telah disuarakan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran itu, tetapi walau bagaimanapun, kita akan menyiasat kes ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 8, 11 dan 15 hingga 82 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (PINDAAN) 1996**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN  
WILAYAH PULAU PINANG (PINDAAN) 1996****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN  
JOHOR TENGGARA (PINDAAN) 1996****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN  
WILAYAH JENGA (PINDAAN) 1996****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA  
(PINDAAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG AMANAH LUAR PESISIR LABUAN 1996**

### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengwujudan dan pengiktirafan Amanah Luar Pesisir dan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG INSURANS 1996**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [10hb. Julai, 1996]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sila sambung.

**3.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai isu berkenaan dengan kesan penamatan lesen Fasal 32 dan 33 - sebelum Menteri mengambil keputusan untuk membatalkan lesen pemegang lesen, terdapat satu peruntukan yang memerlukan pemberian notis dengan mengatakan sebab-sebab kepada pemegang lesen - Fasal 31(3) - “dan pemegang lesen hendaklah diberi peluang untuk didengar. Apabila keputusan untuk membatalkan lesen diambil, pemegang lesen diberi notis sekurang-kurang 14 hari.

Fasal 32, menyediakan cara untuk rayuan, dan tidak dinafikan bahawa pihak berkuasa boleh menangguhkan pembatalan tersebut apabila rayuan itu didapati wajar.

Fasal 33(2), dengan jelasnya mengatakan bahawa “pembatalan lesen tidak akan mempengaruhi penguatkuasaan mana-mana hak atau tuntutan terhadap seorang pemegang lesen”. Oleh itu, pungutan premium dan pengeluaran polisi ke atas perlindungan telah diterima, tidak boleh dihilang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Senai, iaitu mengenai penilaian aset dan penentuan labiliti (Fasal 44) sukacita dimaklumkan iaitu Bank Negara Malaysia telah menerima laporan mengenai peruntukan tuntutan IBNR ‘incurred but not reported’ yang menggunakan pelbagai kaedah, dan Bank Negara Malaysia telah menyemak

peruntukan berkenaan dengan menggunakan ujian materiality, dengan izin, di mana penilaian Bank Negara Malaysia adalah berbeza dengan peruntukan yang dikemukakan.

Bank Negara Malaysia tidak memaksa syarikat insurans menggunakan satu kaedah sahaja sekiranya persetujuan mengenai anggaran tidak dicapai dan syarikat insurans tidak mahu menerima pandangan Bank Negara Malaysia, syarikat insurans bolehlah mendapatkan pandangan profesional yang bebas menurut peruntukan Fasal 91, Rang Undang-undang.

Tentang tindakan terhadap syarikat insurans, kakitangan dan pengarah, Fasal 59(1), ini adalah berkaitan dengan peruntukan seksyen 28(a)(i) akta lama, seperti yang dinyatakan sebelum ini 'memudaratkan kepentingan' sukar didefinisikan. Fakta kes akan menentukan tindakan yang harus diambil. Fasal 59(1)(a)(ii) adalah perlu untuk menghalang ketidaksolvenan yang tidak boleh dielakkan. Tahap perbelanjaan yang terlalu tinggi berdasarkan ukuran prestasi terkini boleh mengakibatkan masalah solvency.

Tambahan perkataan "atau mana-mana undang-undang bertulis tanpa mengambil kira bahawa tiada pendakwaan jenayah yang dikenakan berhubung dengan pelanggaran itu" di fasal 51(a)(iv) adalah sebagai penerangan dan kesempurnaan. Bank Negara Malaysia akan mengambil kira sama ada pelanggaran tersebut adalah serius ataupun tidak bila syor dibuat kepada menteri atau apabila hendak mengambil sebarang tindakan.

Fasal 59(3) dikekalkan. Keperluan memperolehi kelulusan Menteri Kewangan adalah mencukupi untuk memastikan bahawa keputusan yang diambil di bawah peruntukan ini akan dipertimbangkan dengan sewajarnya. Tambahan pula terdapat peruntukan 59(5) yang menyediakan hearing kepada orang-orang yang terlibat.

Mengenai peruntukan untuk memecat di bawah 59(3)(a) atau (c), fasal 61(2) mengekalkan seksyen 28(c)(2) akta lama, peruntukan ini tidak melanggar peruntukan peraturan keadilan asasi. Sebagai entiti yang sah di sisi undang-undang, syarikat insurans juga dianggap lemah seperti manusia dan perlu dilindungi di bawah peraturan keadilan asasi. Sekiranya keadilan adalah begitu serius sehingga boleh menyebabkan sesuatu tindakan diambil untuk memecat seseorang atau menamatkan sesuatu kontrak, adalah wajar orang berkenaan tidak dibayar ganti rugi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai garis panduan kos kendalian perniagaan insurans nyawa seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Kinabalu mengenai faedah-faedah kepada orang ramai akibat daripada pelaksanaan garis panduan kendalian insurans nyawa berkuat kuasa pada 1hb. 1996. Berdasarkan analisa terhadap produk-produk popular syarikat insurans, terdapat sebanyak 30 produk insurans nyawa telah disemak semula sama ada dalam bentuk faedah yang lebih tinggi atau premium yang lebih rendah. Penurunan premium bagi polisi-polisi yang sedia ada itu adalah didapati dalam

lingkungan 0.4% hingga 15% daripada premium terdahulu. Di samping itu, bagi produk-produk insurans baru yang diperkenalkan selepas 1hb. Januari 1996, penentuan kadar premium adalah berdasarkan kepada had-had kos yang ditetapkan oleh garis panduan tersebut. Bank Negara Malaysia akan terus mengawasi keadaan ini untuk memastikan supaya faedah penjimatan kos hasil daripada pelaksanaan garis panduan ini akan dipindahkan kepada orang ramai. Bank Negara Malaysia juga akan menjalankan kajian menyeluruh....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat. Ada yang bangun.

**Dato' Wong See Wah:** Biar saya habis dulu. Mengenai keberkesanan pelaksanaan garis panduan ini dalam tempoh tiga tahun daripada tarikh ianya berkuatkuasa. Tempoh ini dianggap sesuai dan munasabah untuk menganalisa kesannya yang menyeluruh terhadap industri insurans terutamanya dari segi kos operasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai faedah-faedah yang akan dinikmati oleh pemegang-pemegang polisi akibat daripada pelaksanaan insurans ini nanti.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa pihak Bank Negara Malaysia akan memastikan bahawa faedah-faedah itu akan dinikmati tetapi tidak terdapat peruntukan khusus di dalam akta ini yang akan dilaksanakan kecuali mungkin akan dibuat melalui peraturan-peraturan yang akan dilakukan.

Jadi, penjelasan yang saya inginkan ialah adakah kementerian telah mengambil perhatian keadaan di mana berpandukan garis panduan yang telah dilaksanakan baru-baru ini, pihak ejen-ejen insurans telah membuat banyak aduan kerana banyak faedah yang diambil atau mereka kehilangan terlalu banyak faedah. Tetapi pihak syarikat insurans pula tidak terjejas langsung. Jadi, ini tidak ada keseimbangan di antara pihak syarikat insurans dan juga ejen-ejen insurans.

Saya ingin penjelasan sama ada kementerian akan membuat satu garis panduan bahawa orang awam yang memegang polisi-polisi insurans akan menikmati dengan penurunan bayaran-bayaran polisi insurans itu kelak dan di samping itu juga pihak ejen haruslah juga dilindungi oleh kerana mereka mempunyai tugas yang penting ataupun peranan yang penting di dalam perkembangan industri insurans dan janganlah pula syarikat-syarikat insurans yang akan dilindungi semata-mata.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Tuaran. Tujuan garis panduan ini adalah

semata-mata untuk kita mengurangkan kos operasi syarikat insurans itu dan dengan itu juga, dengan matlamat yang sama supaya dapatlah dihasilkan produk-produk yang premiumnya rendah dan juga perlindungannya dapat ditambah ataupun juga dividen yang boleh ditambah pula untuk polisi-polisi yang dikeluarkan.

Mengenai isu-isu yang lain, sambil saya menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat lain itu mungkin akan meliputi isu yang sama.

Mengenai dakwaan agen-agen tentang rezeki dan pendapatan mereka terjejas akibat daripada pelaksanaan garis panduan, perkara ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tawau, pelaksanaan garis panduan kendalian perniagaan insurans nyawa adalah untuk memberi manfaat kepada orang ramai dalam bentuk penurunan kadar premium atau peningkatan faedah-faedah perlindungan seperti yang saya katakan lebih jenis perlindungan yang boleh diperolehi dan juga mungkin dari segi dividen itu boleh ditambah oleh kerana kos operasinya adalah kurang berbanding pada masa dahulu.

Had-had maksimum komisen yang ditetapkan oleh garis panduan ini ialah 171% daripada premium tahunan adalah berdasarkan kepada norma industri. Oleh itu, kebanyakan ejen-ejen insurans tidak terjejas akibat daripada pelaksanaan garis panduan ini. Hanya segelintir daripada ejen-ejen yang terdiri

daripada ketua-ketua agensi yang menerima komisen yang terlalu tinggi ataupun lebih tinggi daripada norma industri insurans sebelum ini akan terjejas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan daripada lebih 92,000 ejen yang berdaftar, bilangan yang sudah tidak menjadi ejen lagi sejak adanya garis panduan tersebut? Walaupun Yang Berhormat mengatakan ini bukan untuk menjejaskan para ejen insurans, bahkan hendak menggalakkan industri insurans. Saya setuju kalau ini benar-benar hendak menggalakkan dan memberi nyawa baru kepada syarikat insurans kerana kita hanya ada lebih 50 buah syarikat insurans sahaja di negara ini. Tetapi saya nampak ada ejen-ejen - bukan sahaja ejen yang tidak baik, tetapi ejen yang baik juga sekarang kurang dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan kajian daripada Bank Negara untuk memastikan sama ada garis panduan ini benar-benar mewujudkan suasana yang baik bagi syarikat-syarikat insurans dan ejen-ejenjnya?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini maklum balas yang kita terima daripada orang ramai itu ialah yang pertama, orang ramai tidak mempunyai kepercayaan lagi kepada industri insurans. Yang kedua, bilangan ejen yang terdapat pada hari ini adalah bertambah berbanding dengan masa-

masa yang lampau. Jadi, teguran mengenai ejen yang mempunyai kepakaran meninggalkan industri itu adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping garis panduan tersebut juga membenarkan syarikat insurans memberikan faedah-faedah lain kepada para ejen mereka sebagai tambahan kepada komisen yang diberi kepada mereka. Dalam hal ini, syarikat-syarikat insurans bebas merangka skim-skim faedah yang sesuai kepada ejen-ejen mereka selagi mana faedah-faedah tersebut berada dalam lingkungan had maksimum yang ditetapkan. Sekiranya had-had ditetapkan untuk faedah-faedah yang berkaitan dengan ejen-ejen, dengan izin, agency related benefit diambil kira dalam jumlah keseluruhan faedah kepada ejen iaitu termasuk komisen, maka had maksimum yang dibenarkan sebagai bayaran kepada ejen adalah sebanyak 231% daripada premium tahunan. Itu adalah satu kadar yang tinggi dan munasabah.

Memandangkan wujudnya potensi yang amat luas dalam pasaran insurans nyawa dewasa ini, kerana hanya lebih kurang 25% daripada penduduk Malaysia yang mempunyai perlindungan insurans.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Kepong bangun pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi kerana Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya tadi. Cuma dia hendak menunjukkan betapa berkesannya garis panduan. Walau bagaimanapun,

bolehkah Yang Berhormat menerangkan sejak adanya garis panduan ini, peratusan bertambahnya penduduk Malaysia yang mempunyai insurans nyawa berbanding dengan di dalam lebih 20 tahun ini, tidak sampai 20% atau 25% sahaja dan matlamatnya pada tahun 2000, kalau tidak silap saya, pihak kerajaan mahukan 50% penduduk Malaysia mempunyai insurans nyawa.

Satu lagi, saya berharap dapat dijawab dengan tepat, dengan adanya garis panduan yang baru ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa syarikat-syarikat insurans memang mengubahsuaikan premium dan sebagainya. Misalnya, skim-skim atau produk-produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insuransnya ialah premium yang sudah dikurangkan dengan sedikit sahaja. Misalnya untuk insurans nyawa, kira-kira RM100,000 dan kekurangan premium itu hanya tidak lebih daripada RM100 sahaja, walhal pihak kerajaan hendak menambahkan faedah kepada pemegang polisi insurans. Kalau kekurangan premium itu tidak sampai RM100 untuk polisi yang lebih RM100,000, bagaimana pemegang polisi ini mendapat faedah yang diharapkan oleh pihak Bank Negara?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, kesan baik daripada pelaksanaan garis panduan baru ini adalah terlalu awal untuk kita memberi satu gambaran yang teliti. Tetapi, bolehlah dikatakan, selepas beberapa bulan itu, sejak 1hb. Januari 1996 sehingga hari ini, bolehlah kita nampak kesan-kesan yang baik secara kasar, iaitu seperti yang saya katakan tadi, orang ramai telah

memberi kepercayaan dan juga pihak Bank Negara Malaysia pun percaya oleh kerana kepercayaan ini, maka perkembangan industri ini akan turut berkembang dengan maju dan dengan begitu cepat iaitu dalam lingkungan 5 tahun ini, kadar penduduk Malaysia yang akan mempunyai perlindungan nyawa itu akan sampai sehingga 50%.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tolong dia sahaja yang sebenarnya.

**Dato' Wong See Wah:** Tak payahlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan sekali lagi. Yang Berhormat mengatakan, mesti mencapai 50% penduduk Malaysia yang mempunyai insurans nyawa. Saya pun berharap kita mencapai tahap ini - bukan sahaja mencapai tahap 50%, tetapi kalau boleh, 70% pun lebih baik lagi. Itu hasrat kita. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan garis panduan yang telah pun diadakan, bukan sahaja ejen insurans itu berkurangan, bahkan juga ada faedahnya? Misalnya, Malaysian British Assurance (MBA) yang merupakan satu generous insurans yang terbesar di negara ini, dengan adanya garis panduan ini mereka mendapat untung kerana dibayar premium yang kurang dan sebagainya - RM20 juta setahun ditambahkan keuntungan. Ini salah satu akibat daripada sistem yang baru ini.

Walau bagaimanapun, setengah-setengah syarikat memang mendapat keuntungan yang lebih kerana garis panduan tersebut, tetapi adakah faedahnya benar-benar didapati oleh policy holder ataupun inilah yang penting sekali. Saya bercadang supaya Yang Berhormat dapat mengkaji hal ini kerana jawapan tadi itu tidak menunjukkan kajian yang tepat ke atas perkara-perkara yang saya sampaikan tadi. Saya berharap Yang Berhormat dapat membuat kajian. Ini saya hendak tolong dia supaya membuat kajian ke atas perkara-perkara yang telah saya bangkitkan.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, mana DAP ada tolong? Kalau dia tidak kacau kita, kita sudah cukup sukacita!

Tuan Yang di-Pertua, saya memang terperanjat oleh kerana kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu tidak berasas oleh kerana setakat ini, baru sahaja garis panduan ini dijalankan selama 7 bulan setakat ini. Jadi, kesan yang terperinci itu sama ada untung atau tidak untung tidak dapat kita perolehi. Bagi pihak Bank Negara Malaysia pun kita tidak tahu. Saya tidak faham mengapa Yang Berhormat dari Kepong sudah memperolehi angka-angka seperti yang saya katakan itu.

Satu lagi perkara yang perlu kita fikir dan fahamkan iaitu di dalam bidang industri itu ada juga syarikat-syarikat yang dipegang oleh rakyat asing dan ada juga yang dimiliki oleh rakyat Malaysia dan oleh kerana saiz dan bentuk operasi tiap-tiap satu syarikat insurans itu adalah berlainan dari segi

kecekapan, kepakaran dan dari segi pentadbiran, memang didapati semua pemain-pemain dalam industri ini adalah bukan on the level ground, dengan izin.

Jadi, dengan itu adalah difikirkan sesuai untuk diadakan garis panduan supaya syarikat-syarikat insurans itu dapat memainkan ataupun menjalankan operasi insurans atau perniagaan itu dengan syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang sama. Tidaklah syarikat besar sahaja yang dapat memberikan kemudahan-kemudahan yang berlebihan, manakala syarikat-syarikat yang kecil itu selalu mempunyai 'disadvantage' dalam peraturan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun lagi.

**Dato' Wong See Wah:** Cukuplah, nanti dahulu. Biar saya habiskan dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Wong See Wah:** Cukuplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup.

**Dato' Wong See Wah:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya percaya ejen-ejen mempunyai peluang yang luas untuk meningkatkan produktiviti mereka dan akhirnya meningkatkan pendapatan mereka iaitu berdasarkan kepada perkembangan bidang insurans ini akan bertambah dengan pesat. Ini

bermakna ejen-ejen insurans nyawa dapat memperolehi jualan polisinya dengan lebih banyak dan dengan itu dapatlah ditingkatkan pendapatan mereka melalui cara seperti ini.

Mengenai aktuari di Malaysia yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tawau supaya langkah-langkah dapat disediakan untuk menambahkan bilangan aktuari di Malaysia. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, setakat ini terdapat seramai 16 aktuari yang berkeelayakan di Malaysia, bilangan ini masih kecil dan kerajaan sedang berusaha untuk menambahkan lagi bilangan rakyat tempat yang mempunyai kelayakan yang sesuai sebagai aktuari. Di samping itu bagi memastikan kualiti dan profesionalisme setiap aktuari terjamin.

Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan mengenai aktuari yang dilantik, yang menjelaskan dengan lebih terperinci tugas dan tanggungjawab seorang aktuari di dalam melaksanakan fungsinya sebagai aktuari yang bertanggungjawab. Semua syarikat insurans nyawa dikehendaki untuk menubuhkan jabatan aktuari masing-masing yang diketuai oleh aktuari dalaman yang berkeelayakan dengan tujuan untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang sains aktuari. Hanya aktuari bertauliah yang mempunyai kelayakan sebagai fellow daripada Institute of Actuaries United Kingdom, Society of Actuaries Amerika Syarikat, Faculty of Actuaries Scotland,

Canadian, Institute of Actuary atau Australian Institute of Actuaries adalah layak untuk dilantik sebagai aktuari.

Pusat latihan insurans iaitu Institut Insurans Malaysia juga menyediakan kursus-kursus bagi membantu pelajar-pelajar mengambil peperiksaan aktuari.

Mengenai soal.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sekarang ada 16 orang aktuari. Berapa orangkah aktuari dalam sektor industri insurans sekarang, semua orang ada di dalam atau tidak semua orang?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat mengemukakan dengan terperinci lagi daripada ini, saya akan beritahu kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini patut membezakan di antara denda ke atas kesalahan yang berbentuk prosedur dan substantive supaya denda yang dikenakan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Adalah didapati bahawa hukuman pecah amanah membawa denda yang lebih rendah daripada kesalahan yang berbentuk prosedural tambahan pula Bank Negara Malaysia patut bertindak secara objektif semasa mengenakan

sebarang denda. Ini adalah soal yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang dan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menetapkan denda untuk sebarang kesalahan di bawah Rang Undang-undang Insurans 1996, Bank Negara Malaysia telah mengambil kira keberatan sesuatu kesalahan. Jumlah penalti di bawah rang undang-undang ini juga selaras dengan penalti di bawah ABIK, dengan ini kesalahan yang berbentuk substantive pada kebiasaannya membawa denda yang lebih berat. Namun demikian, oleh kerana sesetengah kesalahan procedural, membawa implikasi kewangan, kesalahan sedemikian akan dikenakan denda yang lebih berat.

Seksyen 2(1)(ii) di bawah Rang Undang-undang Insurans ini jelas menyatakan bahawa mana-mana orang yang bersubahat atau terlibat dalam suatu komplot jenayah untuk melakukan sebahagian istilah itu ditakrif dalam Kanun Keseksaan, suatu kesalahan di bawah akta ini sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya adalah melakukan suatu kesalahan dan pertanggunggan bagi penalti kesalahan itu. Oleh yang demikian, kenyataan bahawa kesalahan melibatkan pecah amanah dikenakan denda yang lebih rendah adalah tidak benar.

Sebagai badan berkuatkuasa adalah menjadi amalan Bank Negara Malaysia mengenakan denda untuk memastikan bahawa segala faktor diambil kira sebelum membuat keputusan untuk mengenakan denda.

Yang Berhormat dari Mentakab juga telah mencadangkan supaya kadar faedah yang dikenakan ke atas tuntutan insurans nyawa dibayar lewat berasaskan kepada.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya.....

**Dato' Wong See Wah:** Biar saya habis dahulu, ..... kepada base landing rate dan bukan 4% sepertimana yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang Insurans.

Sukacita saya maklumkan iaitu kadar faedah sebanyak 4% merupakan kadar minimum dan Bank Negara Malaysia diberi kuasa untuk menetapkan kadar lain mengikut keadaan masa.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kota Melaka tadi bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengenai beberapa isu kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beralih pula kepada Yang Berhormat dari Mentakab, iaitu mengenai isu-isu MISB, dengan isu Civil Law Amendment dengan jumlah maksimum RM10,000 yang boleh dituntut. Sejauh manakah jaminan yang boleh diberikan oleh kerajaan bahawa kuasa mutlak yang diberi kepada pegawai penyiasat tidak akan disalahgunakan, kerana mereka mempunyai kuasa tanpa mendapat latihan sebagai seorang pegawai polis dan apakah jaminan kuasa ini tidak akan disalahgunakan?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini akan saya jawab semasa saya menggulung perbahasan ini.

Yang Berhormat dari Machang juga telah membangkitkan adakah penanggung-penanggung insurans diperlukan mengadakan simpanan berkanun, dengan izin, statutory deposit yang lebih tinggi daripada yang diperuntukkan dalam Akta Insurans 1963.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Seksyen 7 Akta Insurans 1963 penanggung insurans adalah dikehendaki mengadakan simpanan berkanun yang tidak kurang daripada RM300,000 bagi setiap kelas perniagaan insurannya. Simpanan berkanun itu akan digunakan untuk menepati tanggungan penanggung insurans yang tidak solven. Dalam hubungan ini Menteri Kewangan dengan kuasa yang diberi dalam Rang Undang-undang Insurans bercadang menetapkan melalui peraturan margin kesolvenan yang lebih ketat ke atas penanggung insurans yang juga bertujuan memastikan bahawa penanggung insurans mempunyai aset yang mencukupi untuk menampung liabilitinya. Oleh yang demikian, keperluan untuk mengadakan simpanan berkanun adalah dimansuhkan di dalam Rang Undang-undang Insurans.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Machang juga telah memberi pandangan iaitu memandangkan hanya pengendali takaful yang menyediakan produk insurans Islam, pengguna tidak mempunyai banyak pilihan, maka Yang Berhormat mencadangkan supaya syarikat-syarikat insurans konvensional dibenarkan menjual produk-produk takaful.

Memandangkan takaful adalah satu bidang baru buat masa ini kerajaan berpendapat adalah lebih wajar memastikan takaful berkembang secara lebih

terancang dan sistematik sebelum membukanya kepada syarikat insurans konvensional.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedang mengkaji perkara ini dan polisi yang sesuai akan dirangka apabila industri takaful sudah bersedia untuk berkembang.

Mengenai isu Rang Undang-undang Insurans memperuntukkan bahawa penanggung insurans hendaklah sesuatu syarikat awam, apakah tujuan penentuan ini dan apakah kedudukan penanggung insurans yang bukan syarikat awam misalnya MCIS yang merupakan suatu pertubuhan koperasi. Peruntukan ini bertujuan memastikan koperasi penanggung insurans adalah lebih jelas dan telus kepada orang ramai oleh kerana syarikat insurans tersebut akan diwajibkan menyiarkan salinan penyata kewangan tahunannya di dalam akhbar-akhbar tempatan mengikut format yang ditetapkan. Syarikat awam juga memperoleh kelebihan seperti berikut:-

- (i) Tiada halangan ke atas hak untuk memindah milik syer;
- (ii) Tiada had ke atas bilangan pemegang-pemegang saham;  
dan
- (iii) Tiada sekatan untuk menjemput orang awam untuk melanggan saham atau debentur penanggung insurans.

Rang Undang-undang Insurans memperuntukkan bahawa penanggung-penanggung insurans yang merupakan syarikat persendirian atau pertubuhan

koperasi diberi tempoh masa selama 12 bulan daripada tarikh berkuatkuasa rang undang-undang atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kewangan untuk bertukar kepada sesuatu syarikat awam. Prosedur-prosedur penukaran ini adalah diberi di dalam Fasal 217 rang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Mentakab juga telah menimbulkan isu dalam Belanjawan 1996, kerajaan telah memberikan pelepasan cukai sehingga RM2,000 ke atas premium bagi polisi insurans kesihatan dan pelajaran iaitu, dengan izin, medical and education insurance. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan orang awam mendapat manfaat daripada pelepasan cukai itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan kerjasama industri insurans sedang berusaha untuk menyelesaikan permintaan dari pembayar cukai untuk mendapatkan pelepasan cukai tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menimbulkan iaitu didapati bahawa pindaan kepada Akta Sivil (Pindaan) 1994 menghadkan pampasan kepada tuntutan kecederaan peribadi termasuk kematian, personal injury including death, dengan izin. Kami mengambil perhatian mengenai perkara ini, namun demikian, Akta Sivil bukanlah di bawah bidang kuasa

Kementerian Kewangan, kami akan merujuk perkara ini kepada kementerian yang berkaitan.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga menimbulkan kuasa yang diberikan kepada ...

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Dato' Wong See Wah:** Cukuplah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kerana perkara ini adalah suatu perkara penting dan ia telah berlarutan 12 tahun sehingga seperti yang saya sebutkan semalam, seorang pelajar universiti tak boleh tuntutan satu sen pun. Seorang yang melebihi umur 55 tahun sungguhpun dia bekerja satu bulan dapat beratus-ratus ribu ringgit hanya boleh tuntutan RM10,000. Bolehkah saya dapat tahu sama ada pihak kementerian menyokong pandangan rakyat, ini bukan hanya satu, dua golongan sahaja, tetapi pandangan rakyat secara umum bahawa pindaan ini atau maksimum ini patut dimansuhkan, dibatalkan.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Perua, setakat ini kerajaan akan bertindak mengikut undang-undang yang sedia ada dan akta-akta yang sedia

ada dan seperti yang saya katakan kita akan sampaikan perkara ini kepada kementerian yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga telah menimbulkan kuasa yang diberikan kepada pihak bank di bawah subseksyen 103(1) Rang Undang-undang Insurans 1996 adalah sangat luas dan boleh disalahgunakan.

Suka saya memaklumkan iaitu kuasa yang diberikan kepada pihak bank di bawah subseksyen 103(1) Rang Undang-undang Insurans 1996 adalah suatu kuasa yang telah sedia ada di dalam perenggan 83(2)(d) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak 1989 pihak bank telah menggunakan kuasa penyiasatan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan sebanyak 25 kali dan tiada sebarang aduan yang kuasa itu disalahgunakan.

Dan juga tentang siapakah yang boleh dilantik sebagai seorang pegawai penyiasat oleh pihak bank dan apakah kelayakannya? Pihak bank hanya akan melantik seorang pegawainya yang berpengalaman, tidak kurang daripada tiga tahun dalam bidang pemeriksaan untuk menjadi seorang pegawai penyiasat. Pegawai tersebut mestilah juga telah menghadiri kursus wajib yang relevan. Di samping itu pegawai penyiasat tersebut diwajibkan melapor kepada pegawai-

pegawai penyiasat yang lebih kanan yang secara agregatnya berpengalaman tidak kurang daripada 20 tahun.

Pihak bank hanya akan melantik seorang bukan pegawainya menjadi seorang pegawai penyiasat sekiranya khidmat profesional sedemikian tidak boleh diperolehi dari kalangan kakitangan bank. Juga ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ...

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Jelutong bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat tahu kenapa bank - Bank Negara Malaysia khasnya menggunakan pihak polis untuk menyiasat kerana pihak polis adalah pihak yang mengikut Akta Polis 1967 yang ada kuasa untuk, dengan izin, interfere with the civil rights of a citizen, bukan seorang yang telah dilantik oleh Bank Negara Malaysia sebagai pegawai penyiasat, adakah kerajaan tidak ada kepercayaan kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan?

Ini juga apa yang telah terjadi yang telah disiasat oleh pegawai-pegawai yang telah dilantik adalah mengenai apa yang boleh dikatakan adalah satu perbuatan jenayah. Kenapa bukan polis tetapi orang yang ada dilantik oleh Bank Negara Malaysia.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, kuasa ini memang sudah sedia ada di dalam akta lama, cuma hanya sedikit perubahan sahaja telah ditambah iaitu untuk membolehkan supaya hasil daripada penyiasatan pegawai

Bank Negara Malaysia itu boleh dijadikan sebagai hasil penyiasatan seperti yang diperolehi oleh pegawai polis. Jadi, pada asasnya iaitu tidak adalah perubahan yang besar daripada rang undang-undang ini berbanding dengan akta lama.

Tuan Yang di-Pertua, Kota Melaka juga telah menimbulkan masalah kuasa yang diberikan kepada pegawai penyiasat di bawah subseksyen 104(1)(g) Rang Undang-undang Insurans 1996 untuk menahan orang bagi tempoh yang diperlukan untuk menjalankan pemeriksaan adalah berlebihan.

Sukacita saya maklumkan iaitu kuasa yang diberikan kepada pegawai penyiasat di bawah rang undang-undang tersebut bukanlah kuasa yang baru, ia juga terkandung di bawah subseksyen 83(2)(d) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa untuk menahan orang tidak boleh melebihi 24 jam dan dalam 25 kes yang dilancarkan sejak Akta Bank dan Institusi Kewangan dilaksanakan tiada seorang pun ditahan melebihi 24 jam.

Yang Berhormat dari Tambung juga telah menimbulkan masalah penubuhan 'risk management company', dengan izin, oleh syarikat-syarikat besar dan bagaimana menangani masalah individual yang tidak punyai lesen menjalankan kegiatan broker insurans. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 10 Rang Undang-undang Insurans, 1996 menegah seseorang dari mengemukakan diri sebagai penanggung insurans broker insurans atau ajuster melainkan jika dia dilesenkan di bawah Akta Insurans. Penalti yang dikenakan bagi pelanggaran seksyen ini, bagi penanggung insurans adalah penjara 10 tahun atau denda RM10 juta atau kedua-duanya

sekali. Bagi broker insurans, penjara selama 3 tahun atau denda RM3 juta atau kedua-duanya sekali dan bagi ajuster pula penjara setahun atau denda RM1 juta atau kedua-duanya sekali.

Mengenai ketiadaan broker takaful dalam pasaran menyebabkan pelanggan-pelanggan termasuk kerajaan terpaksa berurusan terus dengan pengendali takaful bagi mendapatkan perlindungan takaful, Bank Negara Malaysia sedang dalam proses merumuskan dasar yang komprehensif berhubung dengan pengendalian broker takaful. Dasar ini dijangka akan ditetapkan untuk dilaksanakan mulai tahun 1997. Mengenai lesen broker insurans yang dikeluarkan setiap tahun dan ini merupakan satu beban pentadbiran yang menyebabkan kelewatan pengeluaran lesen yang seterusnya menjejaskan pendapatan broker.

Yang Berhormat dari Tambun juga mencadangkan supaya lesen broker diberi seperti lesen syarikat insurans atau diberi bagi tempoh yang lebih panjang, contohnya, sehingga 3 tahun. Dalam Rang Undang-undang Insurans 1996 Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa untuk menentukan tempoh lesen broker yang lebih panjang daripada tempoh 1 tahun kepada sesuatu syarikat broker. Sehubungan ini Bank Negara Malaysia sedang mengkaji untuk mengeluarkan lesen broker bagi tempoh yang lebih panjang dari satu tahun, iaitu bagi tempoh 2 hingga 3 tahun kepada broker-broker yang berstatuts Setia

I, iaitu broker-broker yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta diuruskan dengan baik.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menanyakan mengapakah award mahkamah berhubung dengan Merchantile Insurance Sdn. Bhd. dalam likuidasi tidak dibayar dalam tahun 1995 sepertimana yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Pengarah Insurans 1995. Pelikuidasi Merchantile telah membayar bayaran balik premium sebanyak RM1.36 juta sementara bayaran bagi tuntutan insurans pula adalah sebanyak RM3.03 juta. Semasa laporan tersebut disediakan, tuntutan-tuntutan insurans Merchantile tidak diklasifikasikan mengikut jenis tuntutan. Namun demikian, semakan Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa daripada RM3.03 juta tuntutan insurans yang dibayar dalam tahun 1995 sebanyak RM0.62 juta adalah merupakan bayaran bagi 60 tuntutan award mahkamah.

Juga ditanya oleh Yang Berhormat Kota Melaka, mengapakah Datuk Amar James Wong Kim Min dibenarkan memiliki sebanyak 17.3 juta saham yang bernilai RM120 juta dalam Pan Global Bhd. yang merupakan sebuah syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan mempunyai kepentingan dalam Pan Global Insurance Sdn. Bhd. Sukacita saya maklumkan, Akta Insurans 1963 memperuntukkan bahawa sebarang pertukaran kawalan dalam mana-mana syarikat insurans yang diperbadankan di Malaysia atau didaftarkan sebagai pertubuhan di Malaysia hendaklah mendapatkan kelulusan

terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Insurans. Adalah juga menjadi polisi Bank Negara Malaysia bahawa sebarang perolehan saham di dalam syarikat insurans secara langsung atau tidak langsung memerlukan kelulusan bertulis Bank Negara Malaysia terlebih dahulu.

Sebelum kelulusan diberikan oleh Bank Negara Malaysia tapan keselamatan dan kewangan akan dijalankan ke atas pihak yang memperolehi syarikat insurans berkenaan untuk memastikan bahawa hanya pihak yang 'fit' dan 'proper' sahaja yang dibenarkan untuk memperolehi ekuiti syarikat insurans. Bank Negara Malaysia tidak mempunyai sebarang polisi untuk menghalang ahli-ahli politik daripada memegang ekuiti secara langsung atau tidak langsung di dalam syarikat insurans, tambahan pula Akta Insurans 1963 juga tidak mengandungi sebarang peruntukan untuk menghalang ahli-ahli politik daripada memegang ekuiti syarikat insurans.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menimbulkan perkara, walaupun seksyen....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Dato' Wong See Wah:** Cukuplah, tiada apa-apa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dia bangun lagi. Kalau tidak beri jalan, teruskan.

**Dato' Wong See Wah:** Eloklah saya teruskan, tidak ada masa. Walaupun seksyen 12(a) Akta Insurans 1963 membenarkan tidak lebih daripada 90% .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak beri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia tidak beri.

**Dato' Wong See Wah:** Saya masih menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka - banyak. Tidak lebih daripada 90% bagi tuntutan yang diterima boleh dibayar daripada Kumpulan Wang Skim Garenti Insurans, mengapakah hanya setakat 70% daripada amaun yang dituntut oleh penuntut-penuntut Merchantile Insurans Sdn. Bhd dibayar?

Tuan Yang di-Pertua, 90% yang ditetapkan di bawah Seksyen 12(a) ini merupakan sumbangan yang maksimum yang boleh dibayar kepada Kumpulan Wang Skim Garenti Insurans (KSGI) bagi setiap tahun. Bayaran setakat 70% dalam kes-kes tuntutan Merchantile Insurans ditetapkan untuk memastikan lebih ramai penuntut syarikat tersebut menikmati sumbangan daripada KSGI kerana liabiliti Merchantile yang dianggarkan pada ketika itu adalah terlalu besar. Tambahan pula sumbangan bayaran daripada KSGI adalah merupakan bayaran *ex-gracia* dan bukanlah satu obligasi yang perlu ditunaikan. Bayaran *ex-gracia* adalah untuk mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh penuntut-penuntut insurans akibat daripada penggulungan syarikat insurans.

Tentang kelambatan dalam membayar tuntutan penuntut-penuntut Merchantile Insurans yang diletakkan di bawah likuidasi, sebagai sebuah syarikat yang diletakkan di bawah likuidasi Merchantile telah terdedah kepada penipuan, bayaran tuntutan berganda, bayaran kepada orang yang tidak berhak menerima bayaran dan lain-lain. Semasa memproses tuntutan-tuntutan insurans Merchantile, pelikuidasi mendapati ada terdapat beberapa tuntutan berganda di mana peguam yang mewakili penuntut dan bengkel yang membaiki kenderaan penuntut telah mengemukakan borang bukti hutang kepada pelikuidasi bagi tuntutan yang sama. Justeru itu, pelikuidasi menubuhkan satu sistem kawalan yang ketat dan perlu lebih berhati-hati semasa memproses tuntutan untuk

bayaran bagi menentukan hanya tuntutan-tuntutan yang sah sahaja dibayar. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia sedang mengawasi situasi ini dengan rapi dan telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan proses pembayaran.

Setakat Jun 1996, pelikuidasi Mercantile telah membayar hampir kesemua 23,586 pulangan premium yang berjumlah RM2.02 juta, sementara sebanyak 10,700 tuntutan telah di proses untuk bayaran. Daripada 10,700 tuntutan ini sebanyak 6,310 surat tawaran telah dikeluarkan kepada penuntut-penuntut insurans meminta mereka menerima tawaran dan menyerahkan hak mereka untuk menuntut dividen daripada aset Mercantile kepada Ketua Pengarah Insurans kerana pendahuluan daripada kumpulan wang garenti insurans akan diberikan kepada mereka, sementara bakinya memerlukan keterangan lanjut untuk membolehkan surat tawaran dikeluarkan. Daripada 6,310 surat tawaran yang dikeluarkan hanya 1,286 tuntutan yang boleh dibayar kerana yang lainnya sama ada mengemukakan dokumen yang tidak lengkap, tidak memberi sebarang tindak balas atau menolak tawaran yang dikeluarkan.

Yang Berhormat dari Mentakab juga telah mencadangkan untuk menetapkan .....

**Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,  
Kota Melaka bangun.

**Dato' Wong See Wah:** Tak ada masa, bagi saya habis. Bagi .....

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Satu sahaja.

**Dato' Wong See Wah:** Bagi mengatasi masalah-masalah berkaitan kelewatan penyelesaian tuntutan, Bank Negara Malaysia telah pada awal tahun 1995 mengeluarkan garis panduan menetapkan cara-cara termasuk tempoh-tempoh yang sewajarnya diambil oleh syarikat-syarikat insurans untuk menyelesaikan sesuatu tuntutan insurans. Bank Negara Malaysia sentiasa bekerjasama dengan industri insurans untuk membaiki keadaan-keadaan yang tidak memuaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, biro pengantaraan insurans telah ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan pertikaian di antara pemegang-pemegang polisi dengan syarikat-syarikat insurans. Usaha ini nyata berkesan dari segi pengurusan aduan-aduan orang ramai. Bagi insurans motor, syarikat-syarikat insurans selalunya mempunyai alasan-alasan untuk tidak membayar satu ratus peratus jumlah yang diinsuranskan kepada pemegang polisi dalam kes 'total loss'. Syarikat insurans patut membayar 100% jumlah yang diinsuranskan tanpa apa-apa potongan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Mentakab, berdasarkan kepada principle of indemnity, pemegang polisi tidak harus menerima pampasan melebihi kerugian yang ditanggung iaitu menikmati keuntungan daripada tuntutan insurans. Maka dalam kes 'total loss' pemegang polisi hanya akan

dibayar harga pasaran untuk mendapatkan kereta yang sama iaitu membolehkan pemegang polisi berbalik kepada kedudukan seperti sebelum kemalangan. Ada kalanya juga pemegang polisi mungkin menerima pampasan kurang dari jumlah yang diinsuranskan kerana excess yang dikenakan oleh syarikat-syarikat insurans.

Yag Berhormat dari Machang juga telah menimbulkan iaitu dalam insurans motor banyak pemalsuan nota perlindungan berlaku adalah disyorkan syarikat-syarikat insurans mengeluarkan 'certificate of insurance' dengan izin dengan secepat mungkin atau mengeluarkan 'certificates of insurance' semasa primium dibayar untuk menangani masalah pengeluar 'cover note' palsu. Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan mengenai langkah-langkah menghapuskan penipuan insurans motor antaranya termasuk tempoh pengeluaran polisi insurans. Dalam pada itu Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) juga menetapkan bahawa polisi insurans harus dikeluarkan oleh syarikat insurans dalam masa 21 hari dari tarikh primium diterima. Sekiranya pemegang polisi tidak menerima polisi mereka dalam tempoh tersebut mereka boleh mengadu kepada Bank Negara Malaysia dan PIAM untuk tindakan seterusnya. Bank Negara Malaysia amat mengambil berat kes pemalsuan nota perlindungan dan telah berbincang dengan pihak-pihak lain yang berkaitan untuk sama-sama mengatasi masalah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kes-kes pemalsuan yang dikesan oleh syarikat-syarikat insurans telahpun dikemukakan kepada pihak polis untuk siasatan lanjut. Dan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk membatalkan cukai jalan pemegang nota perlindungan palsu. Dan bagi pihak insurans yang menafikan tuntutan sekiranya pemandu kenderaan tidak mempunyai lesen memandu, ini adalah tidak adil seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Machang kepada mangsa-mangsa kemalangan.

Sebenarnya dalam menuntut pampasan kecederaan tubuh badan, mangsa-mangsa pihak ketiga yang dilanggar oleh pemandu-pemandu yang tidak berlesen tetap boleh menerima pampasan daripada syarikat-syarikat insurans. Syarikat-syarikat insurans akan menuntut balik bayaran kepada mangsa-mangsa pihak ketiga itu daripada pemegang polisi. Justru itu, masalah pemandu yang tidak berlesen tidak akan menjejaskan kedudukan mangsa-mangsa pihak ketiga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Machang bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuntutan untuk pihak ketiga dalam kes tidak mempunyai lesen memandu itu tidak berbangkit Yang Berhormat. Saya pun memang faham itu. Memang boleh diteruskan. Simangsa boleh menuntut daripada insurans. Yang menjadi masalahnya ialah perlindungan insurans bagi pemegang inusurans

yang membenarkan kenderaan atau secara tidak langsung dipandu oleh mereka yang tidak mempunyai lesen. Dalam kes ini bila tuntutan dibuat oleh pihak ketiga kepada pemegang polisi, biasanya pihak insurans akan menidakkan liabiliti mereka kerana kenderaan itu dipandu oleh orang yang tidak berlesen. Bagi pemegang polisi, bukan pihak ketiga, pihak ketiga memang tak ada masalah. Sepatutnya oleh kerana syarikat insurans sudah bersedia menandatangani satu kontrak insurans. mereka terpaksa menanggung risiko, kalau pemegang polisi membenarkan kenderaan itu dipandu oleh orang yang tidak mempunyai lesen, mereka mesti bertanggungjawab kerana sebahagian daripada kontrak ialah bersedia menanggung risiko berkenaan. Yang saya maksudkan tadi ialah kereta pemegang polisi, bukan pihak ketiga. Sekarang ini, memang pihak syarikat insurans selalu menafikan liabiliti mereka. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, sebenarnya, insurans juga dikenakan, bukan sahaja pemegang insurans kereta itu tetapi juga telah di tetapkan untuk pemandu kereta dan juga authorised person untuk membawa kereta itu. Jadi, bagi orang yang tidak mempunyai lesen untuk membawa kereta adalah memang tidak dilindungi oleh insurans.

Adalah didapati bahawa tuntutan sentiasa lewat dibayar bagi kes-kes insurans yang dibawa ke mahkamah. Oleh kerana tidak ada sesuatu tempoh untuk tertentu untuk menyelesaikan tuntutan, maka menjadi alasan bagi

syarikat-syarikat insurans melengah-lengahkan masa untuk membayar. Tempoh mesti ditetapkan bagi syarikat-syarikat insurans untuk membayar tuntutan misalnya dalam tempoh 1 bulan selepas perintah dikeluarkan oleh mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Machang, garis panduan mengenai penyelesaian tuntutan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia memang telah menetapkan syarikat-syarikat insurans mesti membayar tuntutan dengan segera sebaik sahaja tuntutan tersebut telah diputuskan oleh mahkamah. Bank Negara Malaysia sentiasa mengawasi pematuhan syarikat-syarikat insurans dalam hal ini dan pemegang polisi yang tidak berpuashati dengan cara pengendalian tuntutan oleh syarikat-syarikat insurans boleh merujuk aduan mereka kepada PIAM atau Bank Negara Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Machang bangun.

**Dato' Wong See Wah:** Biar saya habis dulu. Bank Negara Malaysia bersetuju bahawa garis panduan tersebut masih boleh dipertingkatkan lagi demi melindungi, menjaga kepentingan orang ramai.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, memang sekarang ada garis panduan daripada pihak Bank Negara bahawa jumlah tuntutan penghakiman mesti diselesaikan dalam tempoh segera tapi perkataan "segera" itu tidak ditakrifkan sama ada satu

bulan, dua bulan, tiga bulan kadang-kadang sampai 2 tahun ada. Pengalaman saya sendiri, kadang-kadang kita kena pergi “seal” syarikat insurans berkenaan, pergi bawa seal untuk seal office dia, baru dia buat cek. Itu kadang-kadang. Sebab itu, saya cadangkan supaya daripada tarikh penghakiman diserahkan kepada syarikat insurans, mereka mesti membayar, katakan dalam tempoh satu bulan, barulah kelambatan itu tak berlaku kerana tidak adanya tempoh, itu telah digunakan sebagai alasan oleh syarikat isurans untuk melambatkan bayaran kepada mereka-mereka yang berhak. Terima kasih.

**Dato’ Wong See Wah:** Terima kasih di atas cadangan ini, cadangan ini akan diambil oleh Bank Negara Malaysia. Mengenai ”no fault insurance” bagaimanakah cadangan tersebut, dalam peringkat mana dan no fault adalah amat sesuai untuk meyelesaikan masalah kelewatan pembayaran tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah mengkaji dan mengemukakan laporan preliminary assessment mengenai skim no fault kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan membentangkan kebaikan dan keburukan serta pengalaman negara-negara asing yang melaksanakan skim di atas. Setahu kami Kementerian Pengangkutan Malaysia sedang dalam proses mengemukakan kajian mereka ke kabinet. Tapi sebagai kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, skim no fault juga mempunyai masalah-masalah yang tersendiri dan dengan itu keberkesanannya juga diragui. Oleh itu, adalah lebih berkesan mungkin sekiranya kelemahan-kelemahan yang sedia ada pada sistem “tort”

iaitu masalah kelewatan dan dalam penyelesaian tuntutan dan penentuan jumlah pampasan di perbaiki daripada memperkenalkan dan sistem no fault.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka juga ialah masalah loading dan kesusahan bagi penduduk-penduduk di luar bandar untuk mendapatkan perlindungan insuran dan dicadangkan kota ditetapkan supaya setiap syarikat insuran am dan komposit menanggung perniagaan insuran motor. Berhubungan dengan masalah bebanan loading, dengan izin Bank Negara Malaysia telah melalui garis panduannya supaya loadingnya, loading hanya dikenakan berdasarkan pengalaman-pengalaman insuran syarikat-syarikat berkenaan dan telah pun menetapkan satu had maksimum untuk loading yang boleh dikenakan.

Dalam menangani masalah untuk mendapatkan lindungan insuras, Bank Negara Malaysia telah pada 1991 mengarahkan sejumlah 16 syarikat insuran yang mempunyai portfolio motor yang rendah untuk menanggung sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah premium insurans kasar dalam bentuk insurans motor dan bilangan syarikat telah ditambah daripada 16 kepada 20 buah dalam tahun 1994. Bank Negara Malaysia akan mengkaji keperluan kuota ini dari masa ke masa untuk kepentingan orang ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga mencadangkan perlindungan insurans diberi kepada kenderaan-kenderaan lama. Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan semua kenderaan mempunyai perlindungan

insuras motor, syarikat-syarikat insurans telah menubuhkan Malaysia Malaysian Motor Insuran Pool (MMIP) sebagai insuret of last resort dengan izin, untuk memberi perlindungan insurans motor kepada kenderaan yang gagal mendapatkan perlindungan insuras daripada pasaran biasa termasuk kenderaan-kenderaan lama terutamanya yang berusia 10 tahun ke atas.

Dan yang akhir sekali, ialah pandangan atau soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tambun iaitu mengikut peraturan cash before cover (CBC) broker atau ejen yang mewakili syarikat insuras perlu menyerahkan wang insuran dalam tempoh 7 hari, apakah akan berlaku sekiranya bayaran dibuat melebihi tempoh yang ditetapkan. Mengikut peraturan cash before cover, broker atau ejen mesti menyerahkan wang insuras motor yang diterima daripada pemegang polisi dalam masa yang ditetapkan. Tindakan boleh diambil oleh Bank Negara Malaysia terhadap broker, ejen yang tidak mematuhi peraturan ini.

Dalam bill insurans yang dicadangkan ia mempunyai peraturan yang sama dan mengenakan penalti sewajar terhadap broker, ejen yang tidak mematuhi peraturan CPC ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sajalah, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk Rang Undang-undang Insuran 1996 dan saya percaya memanglah ada juga perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan tidak sempat saya jawab semua; mana-mana yang tidak sempat saya jawab, saya berjanji

akan tentu mengambil kira dan akan dihantar kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat disusulkan untuk tindakan selanjutnya. Sekian sahaja saya ucapkan berbanyak terima kasih.

**Timbalan Yang diPertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersedang sebagai Jawatankuasa.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal-fasal 1 hingga 48** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

#### **Fasal 49**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu teks bahasa Kebangsaan seperti berikut:

Rang Undang-undang adalah dipinda dalam -

subperenggan 49(1)(iii) dengan memotong perkataan “dalam penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

*The English translation are as follows:*

The Bill is amended in -

subparagraph 49(1)(b)(iii) by deleting the words “in the licensed insurer or licensed insurance broker, as the case may be”.

Pindaan subperenggan 49(1)(b)(iii) adalah bertujuan untuk mengelakkan peruntukan yang sedia ada sebagaimana dalam Akta Insurans 1993. Peruntukan ini telah terlepas pandang dalam penyediaan rang undang-undang ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam slip pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terbuka untuk dibahas sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Rang undang-undang adalah dipinda dalam -  
subperenggan 49(1)(b)(iii) dengan memotong perkataan “dalam penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

***The English translation are as follows:***

The Bill is amended in -  
subparagraph 49(1)(b)(iii) by deleting the words “in the licensed insurer or licened insurance broker, as the case may be”.

**Fasal 49** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

**Fasal 50 hingga 175 -**

**Fasal 50 hingga 175** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 176 -**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan yang telah diedarkan seperti dahulu. Teks Bahasa Kebangsaan adalah seperti berikut:

Rang undang-undang ini adalah dipinda dalam -  
subfasal 176(1) dengan memasukkan perkataan “dengan kelulusan daripada Menteri” selepas perkataan “yang ditentukan oleh Bank.”

#### **HURAIAN**

Pindaan subperenggan 49(1)(b)(iii) dan subfasal 176(1) adalah bertujuan untuk mengekalkan peruntukan yang sedia ada sebagaimana dalam Akta Insurans 1963.

***The English translation are as follows:***

This Bill is amended in -  
subclause 176(1) by inserting the words “with the approval of the Minister, “after the words “instalments as the Bank.”

#### **EXPLANATORY STATEMENT**

The amendments to subparagraph 49(1)(b)(iii) and subclause 176(1) are for the purpose of maintaining the existing provisions as in the Insurance Act 1963.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam slip pindaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sekarang terbuka untuk dibahas.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Rang undang-undang adalah dipinda dalam -  
subfasal 176 dengan memasukkan perkataan “dengan kelulusan daripada Menteri” selepas perkataan “yang ditentukan oleh Bank”.

***The English translation are as follows:***

The Bill is amended in -  
subclause 176(1) by inserting the words, “with the approval of  
the Minister,” after the words “instalment as the Bank”.

**Fasal 176** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal-fasal 177 hingga 225** diperintahkan jadi sebahagian daripada  
Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan sebagaimana dipinda: dibacakan kali  
yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 1996**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.54 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang  
bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  
(KWSP) 1991 (Akta 452), dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-  
perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang  
kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui rang  
undang-undang ini pada amnya berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- (i) untuk membolehkan KWSP menubuhkan perbadanan dan  
anak syarikatnya;
- (ii) untuk membolehkan ahli membuat pelaburan dalam  
institusi pengurusan dana yang diluluskan oleh menteri;

- (iii) untuk memperkemaskan definisi Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM);
- (iv) untuk memberi kuasa kepada menteri bagi meminda, menambah atau mengubah sekatan had pinjaman kepada anak syarikat KWSP;
- (v) pindaan yang berkaitan dengan urusan pembayaran dividen; dan
- (vi) pindaan-pindaan lain seperti struktur organisasi Lembaga KWSP serta memperkemaskan urusan pentadbiran dan penguatkuasaan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP merupakan sebuah institusi sosio-ekonomi terulung di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi sumber kewangan kepada 7.6 juta ahli atau warisnya apabila mereka bersara, berlaku kematian atau hilang upaya berasaskan kepada Akta KWSP, 1991 (Akta 452). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cadangan supaya Akta KWSP 1991 (Akta 452) ini dipinda selaras dengan keputusan untuk membenarkan ahli-ahlinya terlibat dalam pelaburan saham, di samping menyelaraskannya dengan perubahan struktur organisasi dan meluaskan keupayaan KWSP untuk melabur.

Pindaan rang undang-undang ini dibuat bagi memasukkan beberapa peruntukan baru dan meminda beberapa peruntukan yang sedia ada. Sejak pelaksanaan Akta KWSP, 1991 mulai awal tahun 1991, beberapa aspek perundangan perlu diubah suai untuk mengambil kira perkembangan semasa bagi membolehkan KWSP memikul tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Beberapa peruntukan sedia ada perlu diperkemaskan berikutan perubahan sistem sosial di negara ini dan peningkatan skop kegiatan KWSP sebagai institusi keselamatan sosial memerlukan jentera sistem operasi yang lebih kukuh. Oleh itu, pindaan ini dicadangkan untuk memperkemaskan urusan pentadbiran dan penguatkuasaan KWSP serta untuk menghasilkan pulangan

yang berpatutan dan stabil ke atas simpanan ahli-ahlinya. Pindaan rang undang-undang ini juga bertujuan untuk meningkatkan lagi aktiviti dan meluaskan keupayaan pelaburan KWSP.

Pindaan-pindaan utama secara terperinci yang dicadangkan ke atas Akta KWSP, 1991 (Akta 452) melalui rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas dan tarikh bagi mula berkuatkuasanya rang undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan meminda akta dengan menggantikan perkataan “Pengurus Besar” dengan perkataan “Pegawai Eksekutif”. Fasal ini juga bertujuan memotong perkataan “Timbalan Pengurus Besar”. Pindaan ini dibuat supaya gelaran jawatan selaras dengan perubahan pesat fungsi dan aktiviti Lembaga.

Fasal 3, bertujuan meminda seksyen 2 akta, bagi memperuntukkan suatu definisi kepada perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

Fasal 4, bertujuan meminda perenggan 26A(2)(c) untuk memberi kuasa kepada menteri mengubah apa-apa had yang dikenakan ke atas jumlah amaun pinjaman anak syarikat KWSP. Pindaan ini adalah untuk memudahkan anak syarikat KWSP mendapat pinjaman seterusnya dari KWSP dalam pelaksanaan projek perumahan kos rendah dan sederhana kelak. Pada masa ini, syarikat yang diluluskan dan terlibat dengan peruntukan ini adalah Malaysia Building Society Bhd. (MBSB), iaitu anak syarikat KWSP.

Jumlah pinjaman kepada MBSB pada masa ini hampir mencapai had maksimum yang ditetapkan dan ini akan menyulitkan syarikat ini untuk mendapatkan pinjaman seterusnya daripada sumber Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Bagi membolehkan MBSB membantu KWSP melaksanakan projek-projek pembinaan rumah kos rendah dan sederhana, sekatan had pinjaman di

bawah seksyen 26(2)(c) perlu dipinda bagi membolehkan KWSP memberikan pinjaman seterusnya apabila diperlukan oleh MBSB.

Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 26B(3) dengan memotong perenggan (d) supaya ianya tidak membawa maksud bahawa Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) juga termasuk apa-apa bon yang dikeluarkan oleh sebarang syarikat walaupun kekukuhan dan jaminannya kurang daripada SKM. Pindaan ini bertujuan untuk memelihara kepentingan KWSP.

Fasal 6 bertujuan memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 26C yang memberi kuasa kepada KWSP untuk menubuhkan satu perbadanan atau syarikat dengan kelulusan menteri. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, ianya boleh dilakukan melalui pembelian ekuiti tetapi ini didapati tidak sesuai kerana melibatkan kos yang tinggi. Pindaan bertujuan untuk meningkatkan lagi aktiviti pelaburan KWSP terutamanya dalam sektor hartanah dan membolehkan KWSP mengendalikan pengurusan hartanah yang akan diceburinya nanti.

Fasal 7 bertujuan memasukkan bahagian baru iaitu Bahagian IIIA dengan seksyen baru, seksyen 29A bagi membolehkan pencarum KWSP melaburkan amaun yang berada pada kreditnya di dalam institusi pengurusan dana yang diluluskan oleh menteri untuk meningkatkan pulangan purata pelaburan dan selaras dengan matlamat untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pasaran modal yang terutama di rantau ini.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 30 yang memberi fleksibiliti kepada KWSP untuk menentukan nama jawatan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan membolehkan perlantikan beberapa pegawai atau pengkhidmat lain tanpa kebenaran menteri. Pindaan ini dicadang selaras dengan perkembangan pesat aktiviti KWSP yang menyebabkan struktur organisasi KWSP juga turut berubah.

Fasal 9 dan 10, masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 31 dan seksyen 33 untuk menubuhkan Jawatankuasa Tata tertib dan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat bagi pegawai-pegawai dan kakitangan KWSP.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 45(3) bagi membolehkan bahawa kadar dividen terakhir yang diisytiharkan hendaklah digunakan bagi pengiraan dividen yang perlu dibayar oleh majikan yang mengemukakan caruman selepas tempoh yang ditetapkan bagi tahun berkenaan sekiranya kadar dividen pada tahun itu masih belum diisytiharkan.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 50 untuk menjelaskan bahawa dividen adalah dibayar ke atas amaun yang berada di dalam kredit seseorang ahli.

Fasal 13 bertujuan meminda seksyen 54(2) bagi menghadkan pilihan ahli yang telah membuat pengeluaran penuh untuk mencarum semula.

Fasal 14 bertujuan memasukkan dua seksyen baru iaitu seksyen 54A dan seksyen 54B. Seksyen 54A memperuntukkan bahawa pembayaran dividen

hendaklah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh KWSP dari masa ke semasa.

Seksyen 54B menjelaskan penentuan tarikh pengeluaran bagi pembayaran yang dibuat melalui waran ataupun dengan cara lain.

Fasal 15 bertujuan memasukkan seksyen baru 59A bagi memperuntukkan bahawa mahkamah boleh memerintahkan seseorang yang didapati bersalah di bawah seksyen 59(b) untuk mengemukakan apa-apa perakuan atau dokumen yang dikehendaki oleh Akta KWSP.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 71 dengan memberi kuasa kepada menteri menentukan fee dan caj yang dikenakan kepada ahli-ahli dan institusi pengurusan dana di bawah skim pelaburan ahli-ahli KWSP serta membuat peraturan-peraturan berhubung dengan skim pelaburan tersebut.

Fasal 17 meminda seksyen 73 untuk memberi kuasa kepada lembaga membuat kaedah-kaedah yang berhubung dengan pelaburan di bawah peruntukan Bahagian IIIA.

Fasal 18 bertujuan meminda perenggan (5), Jadual Pertama untuk memastikan seseorang yang ditahan di Pusat Pemulihan Dadah tidak diiktiraf sebagai pekerja mengikut akta. Fasal ini juga adalah untuk meminda perenggan-perenggan (6), (7) dan (8) Jadual Pertama oleh kerana rujukan kepada Republik Singapura tidak lagi diperlukan.

Fasal 19 dan 20 masing-masing bertujuan untuk meminda Jadual Kelima dan Jadual Keenam memperuntukkan bahawa amaun yang dilaburkan di bawah Bahagian IIIA akta hendaklah tidak dikira sebagai sebahagian dari kredit ahli bagi tujuan pengiraan amaun tambahan masing-masing atas sebab kematian dan ketidakupayaan.

Fasal 21 bertujuan memasukkan jadual baru yang ketujuh ke dalam akta untuk menggariskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh KWSP berhubung dengan penubuhan sesuatu perbadanan atau anak syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan-pindaan ini secara keseluruhannya akan menentukan perundangan yang lebih kemas dan komprehensif bagi tujuan pengurusan dan operasi KWSP, di samping mempertingkatkan lagi keupayaan KWSP melabur serta membantu membangunkan industri pengurusan dana negara.

Dengan pindaan-pindaan yang disyorkan ini, saya yakin bahawa peranan dan aktiviti KWSP dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama

suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

**5.07 ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta 452 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 di antaranya untuk melicinkan pentadbiran dan sekaligus menampakkan arah EPF untuk terlibat sepenuhnya dalam bidang perniagaan. Saya ingin mengingatkan bahawa walaupun EPF akan pergi ke bidang perniagaan, tetapi konsep EPF yang memberi keselamatan kepada pekerja dan konsep simpanan untuk masa depan, untuk hari tua, hendaklah diambil kira bersungguh-sungguh dalam hal ini.

Kebimbangan-keimbangan penyimpan-penyimpan yang wang mereka dipotong untuk tabung EPF ini ada terutama sekali kalau badan yang dijamin oleh kerajaan selalunya bila mereka terlibat dalam perniagaan, keupayaan untuk menjaga perniagaan itu agak longgar, tidak ditekankan atau tidak diambil berat. Misalnya pelaburan dalam syarikat-syarikat yang dijangka untung tetapi akhirnya rugi seperti Perwaja dan juga yang dijangka untung iaitu Bakun, tetapi belum tahulah macam mana keuntungan Bakun pada masa yang akan datang.

Sepatah kata Penasihat Ekonomi, Tun Daim Zainuddin ketika komen badan-badan perniagaan yang dijamin oleh kerajaan, misalnya kerugian yang dialami oleh Perwaja, Tun Daim kata, "Masa depan tidak akan rugi lagi kerana dulunya modal kerajaan, maka pihak Lembaga Pengarahnya buat sesuka hati. Maka ia boleh menyebabkan rugi tetapi sekarang wang daripada syarikat dan

juga daripada individu, maka Perwaja tidak akan rugi lagi." Ini Penasihat Ekonomi sendiri mengatakan bahawa, kalau dijamin oleh kerajaan, selalunya Lembaga Pengarahnya ataupun Pengarahnya membuat perkara yang sewenang-wenang. Ini memberi kebimbangan kepada pencarum-pencarum EPF bila EPF hendak terlibat secara aktif dalam perniagaan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga tindakan-tindakan kebelakangan ini, kalau berlaku kerugian dan pihak Menteri Kewangan menyatakan ada penyelewengan tetapi tidak ada pendakwaan terhadap mereka yang terlibat dalam Perwaja sampai sekarang ini. Begitulah juga kita lihat kerajaan kadangkala bersifat cukup tegas, kita ucapkan tahniah - seperti pendakwaan terhadap Wee Choo Keong kerana menghina mahkamah tetapi pada masa yang sama bila seorang hakim yang dikatakan menulis surat menghina mahkamah, menghina hakim tetapi tidak didakwa. Jadi, kita pun sekarang ini pelik, di mana yang tegas, di mana yang tidak.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada KWSP tadi. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan, saranan kita berkali-kali dalam Dewan ini supaya EPF terlibat dalam pembinaan rumah untuk pekerja sekarang telah pun menjadi kenyataan. EPF membuat rumah secara joint-venture dengan MBSB seperti yang diterangkan tadi oleh Timbalan Menteri. Cuma kita ingin ingatkan bahawa penglibatan EPF dalam pembinaan rumah itu janganlah dilibatkan seperti pembinaan syarikat-syarikat swasta yang lain iaitu keuntungan yang diutamakan dan pembinaan rumah pula disebut kos rendah itu mestilah di bawah daripada RM30,000 dan kos sederhana itu di bawah daripada RM100,000. Kerana kalau kita bina rumah dalam bentuk persaingan yang ada sekarang ini, kos rendah amat susah untuk dibuat di bawah daripada RM30,000.

Konsep EPF atau Employee's Provident Fund untuk menyediakan keselamatan kepada pekerja ini mesti ditekankan daripada keuntungan dan kita harap para pekerja kita yang bergaji antara RM500 hingga RM1,000 pada masa yang akan datang boleh memiliki rumah. Kalaulah EPF masuk persaingan untuk membina rumah dan joint-venture dengan syarikat-syarikat ini dengan para lembaga pengarahnya meletakkan dalam pemikiran mereka iaitu mereka juga mengaut keuntungan seperti syarikat lain, maka konsep pembinaan rumah kepada pekerja itu tidak akan berjaya. Bahkan, ia akan menjadi seperti syarikat-syarikat swasta yang lain yang membina rumah dengan konsep keuntungan yang diutamakan.

Tidak apalah syarikat swasta yang lain membina rumah untuk konsep keuntungan, tetapi bagi EPF, perkara ini kita harap pihak lembaga pengarahnya ada dalam pemikiran sungguh-sungguh bahawa rumah ini adalah untuk melindungi pekerja dan membina rumah dalam harga yang paling minimum.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita harap bahawa keuntungan akan diberi kepada pelabur ataupun diberi kepada pencarum EPF nanti akan berlebihan daripada sekarang. Sekarang bila EPF terlibat secara aktif dalam perniagaan, tetapi dividennya berkurangan daripada 8% kepada 7.5%, sepatutnya ia bertambah. Sudah tentu kebimbangan ini berlaku kepada pekerja iaitu bila EPF dilibatkan secara aktif di dalam perniagaan, mereka bimbang dividen mereka bukan akan bertambah, tetapi akan berkurangan. Sebab-sebab

yang saya nyatakan tadi, kebimbangan juga disebut oleh penasihat ekonomi iaitu cara ala kadar ataupun yang dibuat oleh lembaga pengarah bila sesuatu syarikat itu dijamin oleh kerajaan.

Memang menabung adalah satu konsep yang cukup baik untuk keselamatan pekerja dan juga keselamatan negara, terutama menabung untuk masa depan. Sekarang, kerajaan mengenakan secara flat rate mereka yang bekerja iaitu 10% daripada pekerja dan 12% daripada majikan. Kita juga ingin mencadangkan untuk kerajaan membina dana yang lebih kukuh dan pekerja sendiri dapat menyimpan untuk masa depan, flat fate ini mesti dikaji semula iaitu mereka yang bergaji rendah memang keupayaan untuk memotong 10% itu adalah berpatutan. Tetapi mereka yang bergaji tinggi, misalnya RM2,000 atau RM3,000 ke atas, bolehlah pihak kerajaan mencadangkan supaya potongan itu lebih tinggi supaya mereka menabung lebih banyak dan inflasi dapat dikurangkan.

Sebab mereka yang bergaji besar ini setelah lebih daripada had perbelanjaan rumah, kereta dan sebagainya selalunya mereka berbelanja lebih besar, maka ini menaikkan inflasi. Jadi, untuk mengelakkan inflasi dan berbelanja besar, eloklah kerajaan menggunakan bukan lagi flat rate potongan EPF, tetapi potongan mengikut kadar gaji yang lebih daripada RM2,000 atau RM3,000, kadar potongan itu hendaklah lebih tinggi. Dengan itu, menabung akan menjadi satu budaya. Sebab di lain-lain negara maju, kadar menabung

kadangkala sampai ke peringkat 30%, bukan lagi kadar seperti yang dibuat dalam negara kita.

Cuma, kepuasan kepada mereka yang menabung itu mesti dijamin. Kalaulah wang EPF yang dilaburkan di dalam syarikat itu sentiasa mengalami kerugian, maka dengan perubahan daripada flat rate kepada rate yang baru itu sudah tentu diragukan oleh pekerja.

Kita lihat pekerja kadangkala lebih suka memilih skim pencen daripada skim menabung di dalam EPF. Ini kerana mereka lihat jaminan masa depan, terutama sekali pegawai-pegawai kerajaan yang mengendalikan segala urusan, mereka boleh melihat penyelewengan yang begitu banyak, oleh itu, kebimbangan mereka kepada wang simpanan masa depan itu ada.

Sebenarnya, kalau kita ikut kajian, daripada menerima skim pencen dengan menabung dalam EPF, lebih baik menabung dalam EPF untuk masa depan, tetapi jaminan itu kurang yakin daripada pegawai-pegawai kerajaan itu disebabkan yang saya sebut beberapa perkara tadi. Oleh itu, perkara ini kerajaan mestilah mengambil serius.

Kita lihat unit trust atau tabungan seperti PNB, mereka boleh memberi keuntungan sampai ke peringkat 12%. Kita tidaklah sampai mengharapkan EPF ini menjadi sepenuhnya unit trust atau menabung seperti PNB, tetapi paling kurang, apabila ia menjadi badan yang boleh diniagakan nanti, anak-

anak syarikat yang ditubuhkan nanti mestilah kalau tidak 12% pun, lebih baik dividennya diberi daripada 8% ataupun 7.5% sekarang.

Sekarang ini kita lihat mereka yang duduk di dalam lembaga pentadbir atau Lembaga EPF ini kebanyakannya bekas pegawai-pegawai kerajaan. Bagus diberikan kepada mereka, tetapi hendaklah dilihat latar belakang mereka yang mana mestilah ada pengetahuan di dalam dunia korporat atau perniagaan. Mesti diletakkan di dalam lembaga pengarah ataupun anak-anak syarikat. Kalau tidak ada ilmu pengetahuan dalam selok-belok bidang perniagaan dunia korporat, macam saya ini tidak layaklah duduk di tempat seperti itu. Tetapi orang yang difikirkan layak boleh duduk. Melainkan duduk sahaja, macam bekas Ketua Polis Negara boleh duduk dalam lembaga pengarah syarikat judi di Genting Highlands. Itu beri duduk untuk diberi gaji sahaja, walaupun dia duduk dalam lembaga pengarah syarikat judi.

Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat nampak marah sangat kepada bekas Ketua Polis. Adakah kaitan dengan Yang Berhormat dahulu kena berehat 2 tahun? Saya hendak tanya ini sebab nampaknya macam marah sangat.

Ucapannya dikaitkan ini adakah kena-mengena dengan waktu dahulu semasa Yang Berhormat kena berehat 2 tahun? Saya hendak minta penjelasan sedikit.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak, tak marah. Yang tangkap saya Menteri Dalam Negeri, bukan polis. Polis kawan-kawan. Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat, kalaulah polis itu kawan-kawan, mengapa Yang Berhormat marah sangat kepada Ketua Polis? Kalau benar-benar Yang Berhormat ini bermesyuarah seperti Yang Berhormat berhujah di kawasan saya dahulu, berbaik-baik, apa salah bekas Ketua Polis sampai Yang Berhormat bercakap dan menyindir yang saya ingat agak keras sedikit?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sebab dia sahabat, orang Islam, mempunyai keupayaan fikiran, tidak eloklah menjadi ahli lembaga pengarah tempat judi. Bukankah boleh duduk di dalam Felcra, Tabung Haji atau Lembaga Pelabuhan Kelang? Jadi, sudah bertugas begitu baik kepada negara, tiba-tiba di penghujung hayat, duduk di dalam syarikat judi, tidak baguslah. Itu sahaja rungutan, sebab banyak lagi tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana KWSP ini adalah khas untuk pekerja dan mereka yang mencarum mestilah mereka yang duduk di dalam kesatuan sekerja dan dilantik sebanyak mungkin duduk di dalam lembaga-lembaga pengarah dan juga anak-anak syarikat sebab mereka boleh memberi pandangan di sudut kepentingan pekerja kepada syarikat-syarikat ataupun kepada lembaga yang dibentuk nanti. Dengan itu, kita harap bahawa fungsi EPF yang melindungi masa depan pekerja itu tidak lari dan ia tidak ditumpukan semata-mata mengejar keuntungan, tetapi yang paling penting ialah memberi sekuriti kepada pekerja pada masa yang akan datang.

Begitulah juga pinjaman-pinjaman perumahan, adakah masih lagi hendak ditetapkan kadar satu per tiga? Tidakkah kita boleh pergi sampai ke peringkat dua per tiga ataupun separuh untuk mereka tidak menanggung bayaran bulanan dan interest yang agak tinggi bila mereka membeli rumah?

Begitulah juga wang EPF yang ada sehingga kita berumur 50 dan 55 tahun baru boleh digunakan sedangkan kadangkala para pekerja perlu untuk membiayai anak-anak mereka belajar di luar ataupun di dalam negeri. Tambahan pula sekarang ini universiti sedang diswastakan dan universiti dan kolej swasta tumbuh bagaikan cendawan, oleh itu, biasiswa semakin berkurangan. Maka, apakah pihak kerajaan tidak melonggarkan supaya penyimpan di dalam tabung EPF ini juga boleh mengambil wang mereka untuk

membiasai tabung pelajaran ataupun untuk membiasai anak mereka belajar di dalam negeri atau di luar negeri.

Begitulah juga kita lihat dalam perkara-perkara yang lain, misalnya untuk perubatan, kesihatan dan sebagainya boleh juga digunakan wang EPF dengan kadar keluaran yang boleh ditentukan oleh kerajaan, dengan itu kita harap bahawa pindaan ini tidak membimbangkan para pekerja. Sekali saya ingatkan, sebab dia akan pergi full swing dalam perniagaan, tetapi pekerja akan merasakan wang mereka lebih terjamin. Jadi, kita haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri bila menggulung nanti dapat memberi penjelasan dan penekanan bahawa wang KWSP ini benar-benar terjamin dan pekerja akan merasa lega dan 'reda' wang ini dipotong secara wajib setiap bulan daripada wang gaji mereka dan wang majikan mereka.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kepong.

**5.22 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar hujah daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dapati ada setengah-setengah cadangannya baik juga untuk memperkemaskan cara-cara pelaburan KWSP yang sekarang mempunyai aset hampir RM103 bilion, yang merupakan satu institusi simpanan yang terbesar di Malaysia dan juga satu

institusi yang mempunyai wang yang terbanyak di dalam pasaran ekuiti Malaysia. Ini bermakna dasar pelaburannya mestilah secocok dengan matlamat utama KWSP iaitu untuk memberi keselamatan sosial dan kebajikan kepada para pencarum yang jumlahnya kami diberitahu tadi 7.6 juta orang pencarum. Ini merupakan bilangan pencarum yang terbesar, yang melibatkan hampir 70% atau 80% pekerja di negara ini.

Saya berharap pihak Kementerian Kewangan dan Timbalan Menterinya dapat mengambil perhatian mengenai cadangan-cadangan yang akan saya sampaikan kelak.

Yang pertama, mengenai keperluan, 'pertinent'nya untuk mengkaji semula dasar-dasar pelaburan KWSP dan mempertimbangkan peranannya dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Memandangkan kita sedang giat berusaha untuk mencapai satu tahap ekonomi yang maju di dunia dengan Wawasan 2020.

Sejak tertubuhnya KWSP pada tahun 1951, ini hampir 45 tahun, sebelum ini kebanyakan pelaburannya ialah ke atas sekuriti-sekuriti kerajaan sahaja. Dalam beberapa tahun ke belakangannya ini peratusan yang dilaburkan ke bidang-bidang bukan sekuriti kerajaan telah bertambah dan kalau tidak silap saya sekarang pihak kementerian membenarkan 15% daripada dana KWSP untuk dilaburkan di dalam pasaran ekuiti - 15% dan dengan perkembangan yang begitu pesat, dengan menjelangnya abad ke-21, hanya 4 tahun lagi kita

akan memasuki era baru. Jadi, patutlah kita adakan satu kajian semula ke atas dasar-dasar pelaburan KWSP.

Saya mencadangkan untuk mengadakan kajian semula ke atas dasar-dasar tersebut, bahkan juga untuk peranannya dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Saya sebutkan hal ini kerana saya nampak tiap-tiap kali ada masalah mengenai sesuatu organisasi atau syarikat sama ada Bank Bumiputra ataupun institusi-institusi yang lain, iaitu wang berlebihan (excess fund) daripada KWSP ini digunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat seumpama ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Berikan contoh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Contohnya Bank Bumiputra dan sebagainya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Itu Petronas.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan Petronas.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** .. bukan KWSP, dia silap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan silap. Ini tiap-tiap kali ada cadangan untuk menyelamatkan Perwaja dengan wang KWSP pula - ada cadangan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Perwaja - pinjaman yang diguarantee oleh kerajaan. Tidak ada cadangan untuk

menyelamatkan Perwaja dengan wang KWSP. Yang Berhormat pastikan fakta yang betul.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang betul ada cadangan - memang betul, bukan sahaja betul, Independent Power Producers (IPP) banyak mendapat wang daripada KWSP. Ini adalah fakta-fakta yang betul.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, ramai orang dapat wang daripada KWSP. Ini ceramah politik apa?....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Nanti sekejap.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hendak beri saya atau beri Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Beri Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab, saya hendak perbetul untuk dia senang berhujah nanti, sebab dia sudah 'melelong'. Jadi, dia mengatakan tadi apabila berlaku keruntuhan atau bankrap, tetapi mana ada IPP yang sudah terjejas atau IPP yang sudah

mengalami masalah? Yang Berhormat mengatakan tadi, yang mana berlaku 'kebankrapan, keruntuhan' - beritahu kepada saya IPP mana yang berlaku, yang menggunakan wang KWSP yang telah berlaku masalah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang pertanyaan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tepat juga, kerana saya bangkitkan IPP ini dengan pinjaman wang yang begitu banyak daripada KWSP, janganlah sehingga IPP ini bankrap pula, itulah maksud saya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin pula!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin - IPP kita tidak mahu bankrap, sebab itu saya bangkitkan masalah ini. Ini tidak kena-mengena dengan politik. Hari ini kita hendak bincangkan aset RM103 bilion, itu betul-betul dan bukan politik...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat bercakap memandang ke hadapanlah, bukan memandang kepada saya.

Penjelasan ini yang mengatakan EPF bankrap, apa cerita Kepong ini? Adakah satu pelaburan yang risikonya tinggi dan sudahkah pelaburan itu menghadapi masalah, tolong beritahu kepada kita? Janganlah membuat ceramah politik, di mana? Selalunya IPP ini dia punya I.R.R. tidak kurang daripada 15%, kalau tidak, bank-bank lain yang selalu hendak melabur bukan

EPF sahaja termasuk juga bank-bank dagang yang lain. Kajian yang dibuat selalunya I.R.Rnya tidak kurang daripada 15%. Hendak tahu 'I.R.R.' apa maknanya, boleh jumpa di luar!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya pernah bangkitkan masalah Ph.D atau kelulusan daripada University Mac Gill, nampaknya kurang sangat bermutu, biasanya kita menaruh harapan yang besar untuk university seperti University Mac Gill - ini ada masalah. Jadi, kita hendaklah berfikir dengan sebaik-baik, dengan semasak-masak sebelum kita menyampuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan masalah penggunaan excess fund, wang yang berlebihan daripada KWSP kerana ia merupakan wang yang terbesar dalam institusi simpanan wajib di negara ini. Saya cadangkan bukan sahaja satu kajian semula ke atas dasar-dasar pelaburan dan peranannya di dalam pembangunan ekonomi Malaysia bahkan juga saya berpendapat bahawa kita perlu adakan satu perbincangan kebangsaan terhadap cara-cara untuk menyusun semula atau mengemaskinikan KWSP. Bukan secara sedikit demi sedikit, tahun 1991 kita adakan pindaan, kemudian 1956 adakan pindaan, satu demi satu dengan peace mills.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Rompin bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak tanya dia dahulu, kalau hendak nasihatkan dia, kalau Ahli Yang Berhormat tidak menerima cadangan saya untuk mengadakan perdebatan kebangsaan, perdebatan nasional terhadap cara-cara untuk menyusun semula atau megemaskinikan KWSP, maka Ahli Yang Berhormat tidak patutlah hendak mengganggu saya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak minta penjelasan, bukan mengganggu.

Bila Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengesyorkan ada satu perbahasan kebangsaan, saya hendak bertanya adakah ini ala cara baru DAP, selalunya kalau ada krisis minta 'white paper' - kertas putih. Sekarang ini ada isu minta perbahasan kebangsaan, adakah ini cara kepimpinan baru dalam DAP? Semenjak nampaknya sekarang pun, orang lain semua DAP tak ada, Ahli Yang Berhormat mewakili DAP, adakah ini ala cara baru pimpinan DAP di bawah Ahli Yang Berhormat dari Kepong?

Saya hendak bertanya sedikit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini cara RM103 bilion. Itulah caranya.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Tambun bangun.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sama ada beliau ada membaca Laporan KWSP dengan penyata kewangannya ataupun tidak? Fasal isu yang dibangkitkan oleh beliau adalah soal pelaburan. Beliau mengatakan bahawa pelaburan dalam KWSP sebahagian besar adalah kalau bentuk sekuriti kerajaan sedang berpindah supaya menjadi satu badan yang berperanan penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Jadi, soalnya adalah soal pelaburan. Bagaimana kita hendak membuat pelaburan, tidakkah cukup dengan mempunyai consultant dan sebagainya sudah cukup untuk kita membuat strategi-strategi untuk pelaburan KWSP, ia tidak payah melibatkan satu perbincangan peringkat nasional.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mungkin dia kurang faham mengenai cara untuk kita memastikan wang 7.6 juta pencarum di Malaysia ini dapat digunakan dengan baik. Saya cadangkan perbincangan nasional itu ialah perdebatan konstruktif, membina. Setakat ini tak cukup kerana saya nampak bukan sahaja dari Rompin, bahkan daripada ahli-ahli yang lain, yang kurang faham mengenai masalah KWSP.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Yang Berhormat, Tambun bangun lagi.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya tadi, sama ada Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada membaca laporan dan penyata kewangan kerana soalnya, KWSP ini bukan merupakan satu badan yang bermasalah. Soal pinjaman yang dibangkitkan kalau sebuah bank atau mana institusi sekali pun, bila pinjaman itu dijamin oleh kerajaan, pihak-pihak berkenaan tidak keberatan untuk memberi pinjaman.

Jadi, daripada pandangan saya sebagai ahli yang menyimpan dalam KWSP, pinjamannya adalah pinjaman yang baik, pinjaman yang dijamin oleh kerajaan, bermakna bahawa bayarannya adalah terjamin. Ini bukan satu badan yang bermasalah yang perlukan penglibatan daripada pihak keseluruhan masyarakat negara kita untuk diadakan satu perbincangan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tambun memang dia orang baru, saya pun maafkan dialah kerana dia tak pernah mendengar ....

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Tambun bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, saya beri satu maklumat supaya Ahli Yang Berhormat dapat meneliti selepas kembali ke rumah malam ini, adakah Yang Berhormat sedar bahawa beberapa tahun yang lampau wujudnya peristiwa-peristiwa seperti Markuwasa, di mana berjuta-juta ringgit hilang dan

Maminco, ini wang daripada KWSP, bukan daripada punca yang lain, misalnya Maminco. Pihaknya telah pergi ke pasaran logam di London. Pasaran dunialah dan kerana melibatkan diri di dalam pelaburan bijih timah waktu itu, mungkin kerana spekulasi yang tak begitu bijak, maka wujudlah kerugian beratus juga ringgit. Inilah masalah dan Tambun mesti tahu, begitu juga dengan masalah Markuwasa.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia suka dengan Maminco dah sekarang.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong pasti masalah skandal Maminco, Markuwasa itu terlibat dengan wang KWSP. Saya hendak tahu adakah Yang Berhormat pasti, ini adalah tuduhan yang berat dalam Dewan yang mulia ini. Saya pun kurang pasti tetapi apa yang saya tahu wang sumber dari KWSP tidak terlibat di dalam Maminco ataupun Markuwasa. Tidak! Tetapi Ahli Yang Berhormat menuduh itu, tuduhan itu cukup serius dalam Dewan yang mulia ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kami sentiasa menekankan keperluan untuk siasatan yang lanjut ke atas kedua-dua perisytwa ini tetapi Yang Berhormat Padang Terap sehingga sekarang tidak menyokong usaha kita untuk menyeru pihak kerajaan mengadakan siasatan yang lanjut dan kemudian

laporan siasatan itu dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini. Tak lambat lagi, kita masih boleh ada masa, walaupun sudah berapa tahun telah berlakunya masalah seperti ini. Adakah Yang Berhormat sanggup sokong cadangan saya untuk mengadakan siasatan? Tak boleh kita menyembunyikan dengan begitu sahaja.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya bangkitkan tadi ialah wang KWSP tidak terlibat, siasatan ini kita telah membahaskan di dalam Parlimen Yang Ketujuh dahulu, Maminco, Markuwasa dan lain-lain lagi dan telah pun diselesaikan.

Jadi, jangan lari daripada asas tadi, dia kata duit KWSP. Saya tanya betulkah, adakah dia pasti? Sebenarnya, setahu saya tidak melibatkan wang KWSP pun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak langsung mengapa kita tidak adakan siasatan yang lanjut? Siasatan yang menelitikan semua aspek dan kemudian membentangkan untuk mengesahkan sama ada ada ataupun tidak. Adakah Yang Berhormat sanggup menyokong cadangan saya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, hujah dia tidak ada logik langsung. Takkanlah tidak ada siasatan, maksudnya KWSP

punya wang terlibat. Dia punya hujah tadi jikalau tidak ada siasatan dan kertas putih dibentangkan di sini, maka wang KWSP itu terlibat - itu mengikut hujah dia, nampak tidak tadi? Dia cuba lari daripada persoalan yang asas - adakah Yang Berhormat pasti betul-betul, 100% pasti bahawa wang KWSP terlibat di dalam skandal Makuwasa dan Maminco yang telah kita telah bahas sehari-hari dalam Parlimen Ketujuh dahulu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Terap itu bingung sekarang, bingung kerana pada mulanya Yang Berhormat Tambun hendak tahu dan dia kata KWSP ini tidak ada masalah langsung, sedikit masalah pun tidak ada. Kalau MTUC minta pihak kerajaan kaji semula pun, itu tidak betul, tidak ada masalah.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, Tambun bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita minta adakan siasatan ke atas maklumat yang kita terima bahawa KWSP ada terlibat dengan Maminco dan Makuwasa - Padang Terap tidak sokong pihak kami, dia kata sudah ada siasatan dan saya pun tidak tahu jenis siasatan yang dijalankan di masa itu. Adakah Yang Berhormat Tambun hendak menyokong cadangan kami untuk mengadakan siasatan menyeluruh ke atas peristiwa semacam Maminco.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira sudah 15 minit Yang Berhormat dari Kepong bercakap isu yang keluar daripada tajuk yang sedang dibahaskan, jadi, saya mintalah kepada beliau untuk teruskan sahaja perbincangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Sila Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja yang membangkitkan hal ini ialah Yang Berhormat Tambun, yang pada mulanya membangkitkan, dia kata semua teratur, semua baik belaka dan tidak ada cacat cela langsung di dalam KWSP. Orang-orang yang memimpin di dalam KWSP bukannya insan kamil belaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu perbahasan kebangsaan, perdebatan nasional terhadap cara-cara untuk menyusun semula atau mengemaskinikan KWSP kerana inilah 49 tahun ataupun hampir 50 tahun - kita perlu adakan. Kerana pencarum-pencarum yang ramai dan wang yang terlibat hampir RM103 bilion.

Saya ada beberapa cadangan dan isu-isu yang saya berharap dapat diperhatikan oleh Timbalan Perdana Menteri, untuk kita menjustifikasikan mengapa kita perlu adakan satu perdebatan nasional. Misalnya, di dalam fasal tadi ada disebutkan mengenai pindaan untuk membolehkan pihak KWSP memberi pinjaman kepada Malaysia Building

Society Bhd. (MBSB) di mana MBSB mempunyai 50.8% ekuiti dan had pinjaman itu, apabila Rang Undang-undang ini diluluskan kelak, tidak ada lagi, kita mansuhkan semua had. Kalau MBSB hendak pinjam berbilion-bilion ringgit pun kita beri kerana tidak ada had.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa KWSP mengizinkan para pencarum mengeluarkan sebahagian daripada kreditnya untuk membeli rumah. Ini memang betul. Setakat ini satu pertiga kreditnya diberikan, tetapi ini tidak mencukup dan memang tidak mencukupi. Sekurang-kurangnya saya berpendapat 50%, kemudian caruman bulanan pun boleh dibenarkan untuk membayar pinjaman 'service the loan' daripada caruman bulanan. Semua ini saya berharap dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian tetapi masalah sekarang ialah pihak KWSP hendak menceburkan diri dalam pembangunan perumahan (housing development). Ini memang masalah, terutamanya pihak KWSP hendak menceburkan di dalam bidang rumah kos rendah dan kos sederhana. Tujuannya baik. Ia hendak memberi para pencarum keutamaan membeli rumah-rumah kos rendah dan sederhana - itu baik, maksudnya baik, tetapi masalah rumah kos rendah ialah kalau kita tetapkan pada Harga RM25,000 untuk seunit, ini bermakna kita tidak mendapat untung, memang tidak dapat untung, kecuali kita gunakan cara yang tidak sah.

Dengan yang demikian KWSP patut berhati-hati mengeluarkan wang tambahan, kerana inilah yang diminta pada hari ini. Kita tidak mahu satu

ceiling, asalkan permintaan diadakan oleh MBSB, kita berilah. Ini kita mesti berwaspada. Kalau tidak silap saya, pihak kerajaan di dalam usaha untuk membina rumah kos rendah daripada semua projek yang diadakan di dalam Rancangan Malaysia Keenam, yang disiapkannya tidak sampai 50%. Ini bermakna hampir 50% projek-projek perumahan rumah kos rendah kerajaan gagal sama sekali dan dengan pengalaman sedemikian, kita khuatir MBSB tidak dapat memenuhi kehendak kita semua. Mungkin projek-projeknya tidak dapat dikendalikan dengan betul. Kalau inilah berlaku, kita mesti ada had juga. Kalau tidak ada had pinjaman, matilah semua.

Saya pun ada bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada dia sempat untuk mengelolakan semua projek rumah kos rendah MBSB supaya tidak wujud masalah dan boleh disiapkan pada masa dan tarikh yang ditetapkan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan kerja saya, itu kerja inspektor perumahan. Bukan kerja saya mengelolakannya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itulah masalah. Bukan dia untuk mengelola, bukan kerja dia mengawal selia dan kita diminta luluskan wang tambahan ini. Pinjaman kepada MBSB tidak payah ada ceiling, tidak

payah ada sekatan, kita berilah semua dan Tambun pun bersetuju walhal kita mesti mempertimbangkan dengan sebaik-baiknya. Kita ada orang pakar di dalam perumahan sekarang ini [*merujuk kepada Ahli dari Gerik*]. Kita tanya kepada dia, penceburan KWSP di dalam bidang pembinaan rumah kos rendah dan sederhana, ini memang timbul masalah dan Yang Berhormat dari Gerik boleh membuat penjelasan sekarang - saya percaya dia mahir di dalam bidang ini.

Saya pun hairan juga mengapa dia hendak memberikan nasihat kepada KWSP terutamanya kepada Timbalan Menteri tadi supaya kita jangan terlalu longgar syarat yang diberi kepada MBSB. Saya diberitahu bahawa MBSB sekarang menumpukan perhatian di Selangor, di Rantau Panjang, Sungai Buluh untuk membina 5,820 unit rumah kos rendah. Saya berharap projek ini dapat dijayakan, jangan Rantau Panjang menjadi ‘Rantau Pendek’. Sudah rugi pula!

Walau bagaimanapun, masalah perumahan ini memanglah sangat rumit. Bukan sahaja kita ada Rantau Panjang, saya percaya KWSP akan melaburkan di merata-rata tempat di masa akan datang. Saya sangat bimbang penceburan KWSP di dalam bidang ini. Setakat hari ini, saya tidak akan melanjutkan perasaan saya mengenai peranan yang dimainkan oleh KWSP di dalam pembangunan perumahan. Walau bagaimanapun, ini satu masalah yang sangat rumit. Lanjutan daripada masalah ini, saya nampak sebagaimana yang

disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai penceburan di dalam hartanah pula.

Saya setuju kalau kita ada kuasa atau bangunan-bangunan KWSP yang lain, blok komersil yang digunakan untuk KWSP sahaja, itu memang perlu. Kita mesti adakan bangunan sendiri untuk KWSP. Tetapi dunia pembangunan pejabat dan hartanah komersil memang sangat rumit juga. Adakah KWSP sanggup dengan secara besar-besaran melabur di dalam hartanah komersil seperti ini? Kerana trend di dalam hartanah ini memang seperti ombak, seperti air, ada pasang, ada surut. Tetapi bagaimana pihak KWSP dapat memelihara daripada melibatkan diri di dalam hartanah apabila ekonomi merosot? Saya tahu sekarang pun di Kuala Lumpur kita boleh lihat banyak bangunan komersil yang tumbuh. Ruang-ruang pejabat banyak sangat sekarang. Pada masa ini masih laku, masih laris. Tetapi kita pun tak boleh menjamin, pertumbuhan ekonomi lebih 8% ini akan kekal. Memang saya bimbang dengan 'overheating' sekarang, kemerosotan akan timbul. Bila wujudnya kemerosotan, pelaburan di dalam hartanah, terutamanya hartanah komersil akan menghadapi kesusahan, kesulitan. Adakah dasar KWSP untuk menceburkan secara besar-besaran dalam bidang hartanah komersil yang timbul? Tambun tak begitu mengambil perhatian mengenai betapa perlunya kita adakan satu perdebatan nasional mengenai hal-hal seperti ini secara membina, secara bernas, dia tak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak pihak kerajaan menggunakan wang berlebih 'an excess fund' daripada KWSP untuk defisit fiskal dan juga untuk perbelanjaan secara sebagai punca kewangan yang paling mudah didapati, dengan faedah yang tidak begitu tinggi. Bukan sahaja dividen dikurangkan, bahkan faedah. 'The applicable interest rate' faedah yang dapat diperolehi. Biasanya saya nampak kerajaan memberi kadar faedah yang tidak begitu tinggi walaupun menggunakan wang KWSP dengan begitu banyak, tetapi kadar faedah rendah. Saya setuju kita tak boleh tinggi sangat. Tetapi kadar yang ditetapkan oleh pihak kerajaan sekarang saya nampaknya terlalu rendah. Baiklah kita tambahkan sedikit. Saya percaya Kementerian Kewangan mestilah menggubalkan dasar yang mengandungi cara-cara yang berkesan untuk menyerap wang KWSP yang berlebihan excess EPF fund.

Tuan Yang di-Pertua, di Singapura semua wang Central Providen Fund (CPF) wang tambahan 'additional fund' daripada CPF adalah diserapkan oleh Kerajaan Singapura. Kemudian wang ini adalah dipegang oleh Monetary Authority of Singapore (MAS) dan seterusnya wang ini diuruskan oleh Singapura Government Investment Corporation (SGIC). Tetapi di Malaysia kita tidak ada MGIC, memang tidak ada. Terdapat kekaburan, samar-samar di dalam dasar kerajaan mengenai wang berlebihan KWSP. How does our government, Malaysia Government absorbed the excess EPF Fund? Ini tak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini.

Tambun pun tak tahu. Belum jawab lagi. Ini satu perkara yang penting. Singapura ada MGIC.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Grik minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Grik. Dia hendak jelaskan mengenai perumahan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Minta penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mengenai perumahan rumah kos rendah.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Baik.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Kepong sama ada beliau faham atau tidak dengan dasar kewangan atau fiscal polisy? Tadi dia mencadangkan supaya bayaran interest, faedah kepada KWSP ini dinaikkan. Dalam masa yang sama bila kita bercakap berkenaan dengan inflasi, dia minta supaya inflasi ini disifarkan. Jadi, kalau kita hendak naikkan interest rate, kita hendak naikkan faedah, bagaimana kita hendak mengekalkan tahap inflasi di negara kita ini. Tadi yang kita beri untuk KWSP untuk rumah murah. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat, bila dia hendak mengekalkan faedah kepada tahap yang tinggi dengan dasar fiskal yang diubah, bagaimana dia hendak mengekalkan supaya 'standard of living'

dan 'cost of living' ini, dengan izin, dikekalkan pada tahap yang ada sekarang ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, patutlah Yang Berhormat dari Grik mahir di dalam bidang perumahan. Tetapi di dalam bidang kewangan nampak kurang sedikit. Kerana salah satu langkah untuk mencegah inflasi itu kita tambahkan faedah. *[Diganggu]* Bukan tengok Speaker. Yang Berhormat dari Grik tidak faham. Salah satu cara kita menyekat inflasi ialah kita naikkan faedah, itu caranya. Ini pun teori ekonomi ala Universiti Cornell. Bukan sahaja Universiti Chicago pun ada, Freedman tetapi Universiti Cornell juga. Ini masalah Yang Berhormat dari Grik ini kerana asyik *[Disampuk]* *[Ketawa]*. Grik bukan hutan sekarang. Ia sudah maju sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, banyak masa terbuang Yang Berhormat. Minta kembali kepada tajuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Ya. Kerana Yang Berhormat Griklah yang kacau sedikit. Saya berharap Yang Berhormat dari Grik dapat bersamasamalah belajar mengenai masalah inflasi dan faedah dan juga masalah bagaimana Kerajaan Malaysia dapat mengendalikan wang lebih daripada KWSP - excess fund. How do we absorb this excess fund? Kerana ini satu masalah yang penting. Sebab itulah, saya menyeru tadi supaya pihak kerajaan menggubalkan dasar yang mengandungi cara-cara yang berkesan untuk

menyerapkan wang berlebihan daripada KWSP ini. Banyak cadangan Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat dengan betul untuk mengambil perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi ialah saya nampak, walaupun ada peruntukan dalam KWSP untuk mengadakan bantuan kepada para pencarum terutamanya untuk bayaran perubatan tetapi yang diadakan sekarang itu tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya pihak kementerian mempertimbangkan keperluan untuk mengadakan skim-skim insurans sendiri oleh KWSP. Seperti insurans perubatan untuk para pencarum. Ini memang satu cadangan yang perlu diambil perhatian oleh pihak KWSP untuk semua pencarum.

Dan saya juga, Tuan Yang di-Pertua, hendak mengetahui bagaimana special right issues diperuntukkan kepada KWSP? Adakah satu dasar kerajaan untuk memperuntukkan special right issues kepada KWSP supaya dividen dapat dikekalkan pada kadar yang tinggi? Kerana salah satu alasan untuk mengurangkan dividen kepada 7.5% itu ialah kerana pelaburan-pelaburan di dalam instrumen kewangan itu tidak dapat faedah yang tinggi dan dengan demikian dividen tidak boleh dikekalkan, diturunkan kepada 7.5%. Mungkin kalau pihak kerajaan mempunyai dasar untuk memperuntukkan lebih banyak special right issues kepada KWSP terutamanya daripada agensi-agensi swasta kerajaan dan dengan cara yang demikian faedah yang didapati oleh KWSP akan

bertambah dan dividen boleh dinaikkan semula. Mungkin itu satu cara untuk menyelesaikan masalah.

Saya nampak cadangan daripada MTUC untuk membolehkan lebih banyak wang daripada KWSP digunakan untuk pelaburan di dalam pasaran ekuiti. Tetapi saya pun bimbang juga, yang dicadangkan oleh MTUC itu ialah 50%. Ini kita perlu berwaspada mengenai kadar yang dicadangkan itu. Sekarang kadarnya 15% yang dibenarkan untuk KWSP melaburkan di dalam pasaran ekuiti dan saya nampak 15% itu pun tidak sampai, 10% sahaja digunakan oleh KWSP dan saya bimbang juga kerana di dalam pasaran saham pun ada perubahan besar dan kalau harga saham jatuh, kita akan menghadapi masalah juga. Dan sebab itulah saya mencadangkan satu perdebatan nasional sama ada kita hendak 15% daripada RM103 bilion aset ini digunakan untuk pelaburan dalam pasaran ekuiti ataupun kita adakan satu had kepada 15% ataupun 20% untuk pelaburan dalam Malaysian Government Security (MGS) ataupun Non-MGS. MGS itu Malaysian Government Security. Itu untuk Yang Berhormat dari Grik, sebab saya takut dia hendak tanya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu masalah lagi mengenai pelaburan di dalam pasaran ekuiti. Kerana dari semasa ke semasa kita nampak ada pelaburan di dalam pasaran ekuiti seberang laut (overseas investment). Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di sini peratusan ataupun amaun setakat ini yang digunakan untuk pelaburan di luar negara?

Memang saya setuju ada setengah-setengah tempat kita boleh melabur dan dapatkan pulangan yang besar, faedah yang besar. Itu memang ada. Bukan semua tidak ada. Tetapi apakah dasar kerajaan mengenai pelaburan di seberang laut? Sebab saya tidak tahu. Memang tidak tahu. Tetapi pada pendapat saya, kerana wang ini daripada rakyat, 7.6 juta pencarum dan wang yang begitu banyak. Patut sebahagian besarnya dilaburkan di dalam pasaran tempatan. Ini patut kita adakan satu dasar sedemikian. Jangan kita melaburkan terlalu banyak di luar negara supaya manfaat dapat diperolehi oleh rakyat Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu masalah lagi mengenai masalah caruman. Adakah pihak kerajaan sekarang mempertimbangkan untuk menambahkan lagi caruman? Sama ada daripada pencarum ataupun daripada majikan. Adakah peratusan akan ditambahkan lagi? Kerana kita nampak banyak projek yang akan diadakan lagi oleh pihak kerajaan dan ia hendak dapat wang dengan banyak dan kadar caruman mungkin akan ditambahkan lagi dan pihak kami bimbang keputusan yang bakal diambil oleh pihak kerajaan terhadap kadar caruman KWSP. Walaupun Timbalan Menteri tadi tidak sebutkan mengenai caruman ini tetapi memang satu perkara yang penting.

Dan satu cadangan lagi ialah adakah KWSP bermaksud untuk mengadakan unit trust, satu amanah saham seperti KWSP. Ataupun KWSP sudah mengenalpasti syarikat unit trust yang boleh dipercayai dan kemudian akan menggalakkan para pencarum untuk melabur di dalam unit trust ini.

Apakah dasar kerajaan mengenai sama ada penubuhan unit trust atau mengenalpasti syarikat-syarikat unit trust ini untuk para pencarum pada masa hadapan. Memang kita menggalakkan simpanan di dalam negara ini dan ini merupakan satu lagi cara untuk para pencarum menyimpan wang dengan baik untuk masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebutkan banyak perkara. Saya hendak mengulangi sebelum saya mengakhiri ucapan saya dengan panjang lebarnya tadi. Yang pertama, saya ada menyeru supaya pihak kementerian mengadakan satu kajian semula mengenai dasar-dasar pelaburan KWSP dan mempertimbangkan peranannya dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Yang kedua, saya ada menyeru supaya diadakan perdebatan nasional terhadap cara-cara untuk menyusun semula atau mengemaskinikan KWSP dan saya ada menyeru supaya kita berhati-hati mengenai penglibatan KWSP di dalam pembangunan perumahan dan juga di dalam hartanah komersil termasuk blok-blok pejabat kerana bidang ini sangatlah rumit.

Saya juga ada mencadangkan supaya KWSP mengadakan skim-skim insurans sendiri seperti insurans perubatan untuk kebajikan para pencarum dan adalah perlu bagi Kementerian Kewangan untuk menggubal dasar yang mengandungi cara-cara yang berkesan untuk menyerapkan wang berlebihan excess funds daripada KWSP untuk mengendalikan wang KWSP dengan baik,

berkesan dan teratur supaya para pencarum dapat meraih dividen ataupun faedah dengan lebih banyak kerana dasar utama KWSP ialah.....

**Tuan Mansor bin Masikon:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, ada yang bangun. Dia minta jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Mansor bin Masikon:** Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dari Kepong ini kerana dia banyak buat cadangan mengenai EPF ini. Saya hendak tahu sama ada beliau ini ahli pencarum EPF atau tidak? Kalau sudah mencarum, berapa banyak? Yang saya tahu, doktor-doktor yang membuat praktis sendiri ini dia tidak mencarum kepada EPF.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencarum kepada KWSP sudah berdekad-dekad. Tiap-tiap bulan pun mencarum lagi sekarang. Tidak ada masalah kerana kita mesti sokong KWSP! Sebab saya juga ada kepentingan sendiri. Saya bercakap macam ini kerana saya ada kepentingan saya di dalam KWSP. Tidak tahulah Ahli Yang Berhormat mencarum ataupun tidak di dalam KWSP. *[Ketawa]* Besar kemungkinan Yang Berhormat tidak! Tidak berani sekarang!

Macam mana hendak mencabar orang? *[Disampuk][Ketawa]*

**Tuan Mansor bin Masikon:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, dia bangun ya.

**Tuan Mansor bin Masikon:** Saya berani cabar Yang Berhormat sebab saya juga mencarum, tetapi saya ingat caruman saya lebih besar. Kalau tidak percaya, bolehlah check dengan EPF agaknya!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tiada nombor ahli pencarum. Saya hendak check juga, hendak kaji juga sama ada kenyataan tadi benar ataupun tidak. Sekurang-kurangnya, berilah nombor kad pengenalan! *[Ketawa]*

**Tuan Mansor bin Masikon:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak pergi periksa, tengok sama ada tepat ataupun tidak.

**Tuan Mansor bin Masikon:** Boleh, tak ada masalah, Yang Berhormat!  
Nombor kad pengenalan saya ialah 2517753.

**Dr. Tan Seng Giaw:** 251....?

**Tuan Mansor bin Masikon:** 7753!

**Dr. Tan Seng Giaw:** 7753? Kita mesti siasat! Mesti siasat!

Baiklah.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nombor you berapa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Parit yang sulong bukan mencarum tak?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak tanya, you sudah minta nombor dia, saya hendak tanya berapa nombor Yang Berhormat dari Kepong? Jangan cakap saya tak mencarum, you boleh check my record!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh, boleh! Tak apalah! *[Disampuk]* Tak boleh percaya! Ada orang kata kalau Parit Sulong atau Ahli Barisan Nasional kita beri nombor, susah! *[Disampuk]* Tak payah takut, saya beri dengan senang. KP saya boleh ambil, pergi check! 5810956.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jangan pakai I/C haram!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Eh, tak payah haramlah! Macam mana hendak pakai haram, ia ada di sini! *[Menunjukkan kad pengenalan di tangannya]* Saya khuatir parit yang sulong itu kerana di tempatnya banyak I/C haram - kad pengenalan haram banyak di situ!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat betul! Sangkaan jahat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab ia terlintas di dalam fikirannya!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Hendak tunjukkan I/C sayakah?  
*[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kita sangat serius dengan masalah EPF dan saya pun ada menyebut keperluan untuk membenarkan para pencarum mengeluarkan 50% daripada kreditnya untuk membeli rumah dan kemudian caruman tiap-tiap bulan itu boleh dibenarkan sebahagiannya untuk membayar pinjaman. Ini memang satu cara yang perlu kita perhatikan.

Dengan ini saya berharap pihak kementerian dan kerajaan dapat menerima cadangan saya yang membina dan bernas belaka. *[Ketawa]* Memang bernas belaka supaya kita bersama-sama dapat memperkukuhkan KWSP dan memberi manfaat kepada para pencarum.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tambun.

**6.19 ptg.**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua fungsi besar KWSP. Ini fasal Kepong kacau tadi, sudah silap, tersasul.

Ada dua fungsi besar. Pertama adalah untuk menjaga simpanan daripada pencarum-pencarum di mana KWSP bertanggungjawab untuk memberi faedah yang tinggi kepada pencarum-pencarum ataupun ahli-ahli.

Lagi satu fungsi besarnya adalah untuk melabur pada tahun 1994 sebanyak RM85 bilion dan pada tahun 1995 dijangkakan lebih daripada RM100 bilion.

Soalnya, kalau satu badan ada RM100 bilion untuk tujuan pelaburan, adakah badan ini akan memanggil satu perdebatan kebangsaan untuk membincangkan bagaimana hendak melabur wang ini ataupun dia akan memanggil financial advisor ataupun konsultan pelaburan untuk tujuan tersebut.

Itu sebabnya saya berpendapat bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi tidak bernas.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan di dalam pindaan ini, menyentuh mengenai soal penubuhan perbadanan, syarikat dan juga mengambil alih syarikat-syarikat.

Di dalam kajian saya, dasar pelaburan KWSP adalah agak konservatif, di mana KWSP melabur dalam sekuriti kerajaan sebanyak 48%, pasaran wang 26%, pinjaman dan debentur 14%, ekuiti 10% dan hartanah 0.09%. Ini adalah berdasarkan kepada penyata kewangan 31hb. Disember, 1994 yang telah dikemukakan pada Dewan ini pada tahun ini.

Saya sedia maklum bahawa mengapa dasar pelaburan konservatif dijalankan adalah kerana pihak KWSP hendak menjaga wang penyimpanan. Dengan cara pelaburan konservatif ia dapat meminimumkan risiko, tetapi soalnya pulangan yang diperolehi oleh pihak KWSP adalah begitu

rendah dan saya difahamkan sekuriti kerajaan mengeluarkan faedah antara 3%-5% setahun, manakala pasaran wang antara 4%-6%. Dengan sebab itu, saya dapati bahawa dividen yang dikeluarkan oleh KWSP kepada pencarum tahun 1990 sehingga 1994 pada kadar 8% setahun dan 1995 pada kadar 7.5%.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan di atas langkah untuk membolehkan KWSP menubuhkan perbadanan, syarikat dan mengambil alih syarikat, kerana ini tentunya akan mengubah dasar pelaburan KWSP.

Saya melihat dalam pertumbuhan ekonomi pesat pada hari ini peluang-peluang begitu banyak. Kalau kita ikuti syarikat-syarikat yang dahulunya kecil, sekarang menjadi syarikat gergasi. Begitu juga badan-badan kerajaan yang terlibat dalam kegiatan ekonomi yang dahulunya kecil sekarang menjadi badan-badan yang besar.

Saya berharap bahawa pihak KWSP akan menetapkan satu dasar pelaburan yang dinamik, yang mengambil keseimbangan di antara untuk mendapat keuntungan dan mempertahankan kadar risiko yang sederhana, kerana kita sedia maklum kalau pihak KWSP terlibat dalam pelaburan yang berisiko tinggi. Jadi, ada kemungkinan bahawa pelaburan ini akan mengalami kerugian dan akhirnya ia akan merugikan kepada ahli-ahli atau pencarum-pencarum KWSP.

Saya melihat langkah yang dijalankan oleh kerajaan ini begitu penting kerana ia membawa satu perubahan besar kepada masa hadapan pencarum-pencarum. Seperti mana saya nyatakan tadi, pihak KWSP mengeluarkan dividen pada kadar 8% setahun pada 1994 dan sebelumnya serta 7.5% pada tahun 1995. Dari segi faedah yang disediakan, daripada jumlah simpanan sebanyak 60% adalah untuk simpanan tunai yang boleh dikeluarkan apabila pencarum berumur 55 tahun, 30% untuk tujuan pembelian perumahan. Sekiranya tidak digunakan baki itu boleh dikeluarkan pada umur 50 tahun dan untuk penjagaan kesihatan pada 10% daripada jumlah simpanan. Kalau kita andaikan dengan kejayaan KWSP dalam bidang-bidang pelaburan dan KWSP menerima pelaburan keuntungan yang besar, maka dividen kepada para pencarum akan meningkat.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak KWSP supaya faedah-faedah yang disediakan kepada pencarum ini ditingkatkan dengan memberi peluang-peluang yang lebih banyak lagi kepada pencarum-pencarum, di mana saya katakan tadi bahawa dalam pertumbuhan ekonomi yang pesat, peluang-peluang ekonomi begitu banyak boleh diperolehi dan ini boleh memberi peluang kepada pencarum-pencarum untuk menikmati peningkatan kedudukan sosio-ekonomi mereka.

Dari segi peluang pelaburan sekarang terdapat begitu banyak peluang untuk melabur seperti dalam bidang saham, hartanah atau juga peluang untuk

melabur dalam bidang pendidikan yang menjadi saham utama ke arah untuk meningkatkan kualiti sosio-ekonomi masyarakat pada masa yang akan datang.

Saya berharap dengan kejayaan KWSP ini nanti pihak KWSP akan memberi peluang-peluang yang lebih sesuai kepada pencarum-pencarum. Saya ingin menyentuh soal pelaburan. Tadi saya menyatakan bahawa KWSP harus mempunyai satu dasar pelaburan yang tetap, yang akan mempelbagaikan dari segi pulangan dan mengurangkan risiko.

Satu perkara yang saya ingin menyatakan iaitu menyentuh tentang soal pelaburan ini. Saya tidak bersetuju jikalau pihak KWSP membuka pelaburannya di pasaran saham dengan begitu meluas di mana dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong sampai 50% kerana kemungkinan pelaburan saham di dalam pasaran saham itu begitu tinggi risikonya, jikalau jatuh harganya ia boleh menghilangkan terus modal....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tidak mencadangkan 50%, saya kata MTUC yang mencadangkan 50% aset yang digunakan untuk pelaburan. Saya kata kita mesti berwaspada kerana setakat ini pun 15% sahaja yang dibenarkan - tidak sampai 15% lagi sekarang. Jadi, saya

mencadangkan kita mesti sentiasa berhati-hati di dalam peratusan aset yang dibenarkan untuk melabur.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya cukup hormat dengan Yang Berhormat dari Kepong kerana tadi beliau bercakap berbeza dengan apa yang beliau cakap sekarang, kerana beliau tengok pendekatan saya dan pendirian saya tidak bersetuju pelaburan di dalam pasaran saham, jadi beliau pun turut ikut kepada pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jumlah yang digunakan untuk pelaburan di dalam pasaran saham sekarang sudah mencukupi dan pihak KWSP menggunakan khidmat dari pengurus-pengurus dana untuk menjaga kepentingan pelaburan tersebut.

Saya mendapati bahawa adalah lebih baik untuk KWSP melabur dalam pelaburan ekuiti dalam bentuk bahawa penyertaan ekuiti itu akan menjadikan syarikat tersebut sebagai syarikat subsidiary kepada KWSP. Sebagai contoh saya ambil Malaysia Building Society Berhad (MBSB) berdasarkan kepada penyata kewangan pada 31hb Disember, 1994 modal saham dalam MBSB adalah sebanyak RM122 juta, manakala untung bersih adalah sebanyak RM52.2 juta. Ia memberi pulangan kepada investment atau return on investment sebanyak 24%. Jika kita membuat kajian pelaburan dan membuat kajian perbandingan (comparative study) kita dasarkan kepada pinjaman RM600 juta yang diberi oleh pihak KWSP melalui MBSB sebagai ejen kepada Perwaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat masa untuk hari ini sudah cukup ya, boleh sambung minggu hadapan.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, sambung. Terima kasih.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### PENYELESAIAN TUNTUTAN HUTANG OLEH 11 KONTRAKTOR BERJUMLAH RM7 JUTA

6.31 ptg.

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan membuka pintu kepada pelabur dan kontraktor asing mengambil bahagian dalam membangunkan projek-projek secara usaha sama mempunyai kebaikan dan keburukan. Kebaikannya menerusi kemahiran-kemahiran, pengetahuan dan pengalaman mereka, projek-projek pembangunan dapat

dijalankan seperti yang dirancangan tanpa menempuhi pelbagai halangan dan kegagalan.

Akan tetapi di sebalik apa yang berlaku, syarikat atau kontraktor asing memakai atau menggunakan kontraktor dan pembekal tempatan sebagai subkontraktor mereka melakukan kerja-kerja projek. Apabila projek selesai mereka mencari alasan untuk mengelakkan bayaran yang dituntut oleh kontraktor dan pembekal tempatan.

Ini terjadi kepada projek bekalan gas MLNG II di Bintulu. Sarawak Shell Berhad telah melantik POGEP Fogke Joint Venture sebagai kontraktor untuk memasang saluran paip minyak mentah dan gas cecair asli untuk eksport. POGEP Fogke Joint Venture ialah syarikat usaha sama antara:

- (i) PPES Oil and Gas Sendirian Berhad yang kemudian ditukar nama kepada Saragas Engineering Corporation Sendirian Berhad yang mana pemegang saham ialah Suhaimi bin Narawi yang memiliki 100,000 saham, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sarawak (PKEN) yang memiliki 100,000 saham dan Yang Berhormat Borhasan bin Dee yang memiliki 300,000 saham;
- (ii) EP Construction Sendirian Berhad yang mana Teong Tak Kian dan James Belawan Agong memegang satu saham sahaja masing-masing; dan

- (iii) Phillipog Fogke Construction Malaysia Sendirian Berhad pemegang saham ialah Fogke International VB dari Holland.

POGEP Fogke Joint Venture ini telah melantik Juara Chan Cheng Sendirian Berhad, kontraktor tempatan dan syarikat asing Mc Cornald Doweld Kelana Sendirian Berhad dari Australia sebagai subkontraktor melakukan kerja-kerja tersebut. Mc Cornald pula telah melantik sepuluh kontraktor dan pembekal tempatan untuk membantunya. Masing-masing telah membekalkan peralatan pekerja dan membuat kerja seperti yang dijanjikan bagi tempoh tahun 1994 hingga tahun 1995.

Setelah selesai kerja mereka membuat tuntutan bayaran Juara Chan Cheng menuntut RM3 juta dengan POGEP Fogke Joint Venture dan sepuluh kontraktor pembekal tempatan lain menuntut RM4 juta dengan POGEP Fogke melalui Mc Cornald Doweld Kelana Sendirian Berhad. Mereka dijanjikan bayaran sebelum Ogos 1995 iaitu sebelum kontraktor asing itu meninggalkan Sarawak, tetapi sehingga kini tuntutan mereka tidak dilayan.

Saya difahamkan bahawa syarikat Mc Cornald Doweld Kelana Sendirian Berhad sekarang masih ada di negara kita dan mendapat subkontrak melalui Dailim dari South Korea, Projek GPP V dan VI di Terengganu. Para subkontraktor tempatan telah membuat rayuan kepada Kerajaan Sarawak supaya membantu tetapi meminta mereka mengambil tindakan mahkamah.

Tuntutan mahkamah bukanlah suatu yang mudah sementara menunggu perbincaraan kontraktor asing itu bersiap untuk meninggalkan negara ini. Tidak ada apa yang boleh dibuat oleh kontraktor tempatan kecuali terpaksa menanggung kerugian dan masalah.

Apakah kerajaan wajar berdiam diri dan berpuas hati dengan perbuatan buruk kontraktor asing yang tidak bertanggungjawab dan membiarkan kontraktor tempatan menanggung kesusahan dan kerugian. Bukanlah mustahil kontraktor tempatan yang lain menerima nasib yang sama.

Saya ingin menggesa kerajaan supaya mengkaji semula dasar yang membenarkan penglibatan kontraktor asing dalam kerja-kerja projek pembangunan di negara kita iaitu mereka hendaklah menyelesaikan semua hutang tunggakan dan pembayaran kepada kontraktor dan pembekal tempatan yang telah berusaha bersusah payah dan mengemukakan tarikh bertolak dalam semua surat khabar utama di negara kita sebulan sebelum mereka meninggalkan negara ini. Jika mereka meninggalkan negara ini sebelum menjelaskan bayaran, bukanlah mudah untuk menuntut daripada mereka kelak.

Dalam kes ini saya ingin menggesa kerajaan supaya campur tangan membantu menyelesaikan tuntutan kontraktor tempatan, tidak cukup untuk mengambil tindakan menyenaraihitamkan mereka supaya tidak memberikan apa-apa kontrak pada masa hadapan kepada mereka lagi sedangkan tuntutan mahkamah tidak menjanjikan kepastian. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Sila jawab.

**6.32 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya berharap supaya Ahli Yang Berhormat yang membuat ucapan penangguhan ini tidak mempunyai kepentingan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, semua projek yang dilaksanakan walau di mana sekalipun sudah barang tentu ada mempunyai dua implikasi sama ada baik atau buruk.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, memang sudah jadi lumrah perdagangan dan perniagaan mesti menghadapi risiko. Kalau kita tidak berani menghadapi risiko maka kita jangan melibatkan dalam mana-mana bidang perdagangan sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, POGEP Fogke merupakan kontraktor yang telah dilantik oleh salah sebuah kontrak perkongsian pengeluaran PSC. POGEP Fogke adalah sebuah usaha sama antara Phillipogke Gas Sendirian Berhad, PPS All and Gas Sendirian Berhad, GP Sendirian Berhad untuk kerja-kerja pembinaan kemudahan pemerosesan gas di Bintulu ataupun Bintulu On Show Facilities Expansion.

Bagi projek pembekalan gas ke loji MLNG II sebahagian daripada kerja sivil mekanikal dan penyaluran paip telah ditawarkan kepada Syarikat Juara Chang Cheng. Dengan itu sebarang kemusykilan mengenai kontrak-kontrak tersebut hendaklah dikemukakan kepada syarikat berkenaan atau salah satu daripada ahli syarikat usaha sama tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian usaha sama tersebut.

Oleh itu terpulanglah kepada kontraktor dan pembekal yang terlibat tersebut sama ada mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap kontraktor utama ataupun sebaliknya. Terima kasih.

### **PENDIDIKAN KHAS DI MALAYSIA**

#### **6.38 ptg.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, ketinggian sesuatu ketamadunan satu-satu masyarakat bukan sahaja diukur dari segi bagaimanakah cantiknya artifek yang dapat ditinggalkan atau yang dapat dibina tetapi boleh juga diukur dari segi bagaimana kita menjaga mereka yang kurang bernasib baik di kalangan masyarakat itu sendiri.

Jadi, isu yang ingin saya bangkitkan di sini ialah tentang isu pendidikan khas yang dilaksanakan di dalam negara kita.

Pertamanya, kita inginkan penjelasan dari segi apakah dia konsep dan juga falsafah pendidikan khas yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dan juga mungkin dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di Malaysia sekarang ini. Kita ingin mendapat gambaran apakah dia definisi takrif kumpulan sasaran pendidikan khas ini dan gambaran tentang apakah dia 'a size' kumpulan sasaran ini dan bagaimanakah dapat kita memperolehi ukuran untuk menentukan saiz sebenar kumpulan sasaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sebenarnya khusus kepada pendidikan khas kepada kanak-kanak di peringkat prasekolah sehinggalah ke peringkat sekolah menengah dan seterusnya mungkin dalam proses latihan untuk membolehkan mereka kelak menjadi rakyat yang produktif dalam negara kita. Saya juga ingin mengetahui apakah tahap dan jenis kemudahan yang sekarang ini disediakan untuk tujuan ini. Kita boleh melihat, misalnya, dari segi kemudahan fizikal, kemudahan dari segi latihan guru yang terlibat dalam proses ini dan kita tahu bahawa untuk tujuan ini ianya memerlukan latihan yang khusus dari segi occupational therapistnya, dari segi speech therapist dan berbagai-bagai lagi .

Kita dapati sekarang untuk jenis mereka yang terlibat, yang menjadi kumpulan sasaran di sini ada berbagai-bagai jenis kekurangan di kalangan kanak-kanak itu dan ada jenis-jenisnya di mana pendidikan yang dapat dibekalkan adalah hanya diperolehi daripada apa yang dibekalkan oleh persatuan-persatuan sukarela ataupun badan-badan NGO's, misalnya, untuk down-syndrom, di mana saya difahamkan agak ramai juga di dalam negara kita ini, tetapi kita hanya dapati misalnya likiwanis Foundation For Down Syndrom yang satu-satunya merupakan badan sukarela yang terlibat untuk membekalkan pendidikan khas kepada mereka yang terlibat.

Jadi, selain daripada permohonan yang saya katakan tadi, saya juga ingin mengetahui apakah rancangan untuk tujuan ini yang dirancangkan dalam

tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh yang bakal dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kementerian menjawab.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi konsepnya, pendidikan khas ialah pendidikan yang disediakan kepada kanak-kanak dengan keperluan pendidikan khas. Mereka terdiri daripada kanak-kanak yang bukan sahaja mengalami masalah seperti penglihatan, masalah pendengaran tetapi juga meliputi kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran termasuk masalah sosial dan emosi serta juga kanak-kanak pintar cerdas yang menghadapi masalah pembelajaran.

Di Malaysia, kanak-kanak dengan keperluan pendidikan khas didefinisikan berdasarkan kepada kebolehan, kefungisian, kemahiran perhubungan penguasaan dan pencapaian kanak-kanak tersebut dalam kemahiran-kemahiran pengembangan.

Dari segi falsafahnya, falsafah pendidikan khas mempunyai matlamat yang sama dengan falsafah pendidikan negara iaitu meliputi semua aspek pendidikan yang menyediakan perkembangan optimum bagi kanak-kanak dengan keperluan khas supaya mereka dapat berfungsi sebagai individu-individu yang berkemahiran, berdikari, berhaluan, boleh merancang, boleh

mengurus kehidupan sendiri, dapat menyedari potensi diri serta berkeupayaan menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Kementerian Pendidikan telah menyediakan kemudahan pendidikan kepada kanak-kanak dengan keperluan pendidikan khas melalui:

- (a) sekolah-sekolah pendidikan khas rendah dan menengah;
- (b) program percantuman di sekolah-sekolah biasa;
- (c) program bermasalah pembelajaran; dan
- (d) program inklusif.

Setakat ini bilangan sekolah pendidikan khas yang sedia ada ialah 31 program percantuman 167 buah dan program bermasalah pembelajaran 107 buah. Sehingga kini terdapat seramai 5,637 orang murid di sekolah rendah dan 1365 orang di sekolah menengah di seluruh negara.

Bilangan guru yang telah dilatih sejak program pendidikan khas diperkenalkan mulai 1962 adalah seramai 160 orang. Kementerian Pendidikan juga telah membuka program pengsiswazahan melalui program kembar UKM dan MPIK. Bilangan guru yang menyertai program ini seramai 60 orang. Program ijazah lanjutan juga telah diperkenalkan bagi meningkatkan tahap profesionalisme dalam pendidikan khas. Seramai 21 orang pensyarah pendidikan khas telah mengikuti program ijazah lanjutan di luar negara.

Mulai bulan Julai 1996, seramai 60 orang guru pendidikan khas telah ditawarkan mengikuti kursus diploma perguruan khas di Maktab Perguruan Ilmu Khas. Perangkaan terkini guru pendidikan khas adalah seperti berikut:

Terlatih dengan pendidikan khas : 207 orang

Terlatih tanpa latihan khas : 206 orang

Guru Sandaran tanpa latihan : 96 orang

Kementerian Pendidikan menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan khas seperti berikut bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh:

- (i) memperkemaskan kurikulum pendidikan khas;
- (ii) memantapkan lagi pedagogi;
- (iii) mempelbagaikan program latihan kemahiran melalui bidang vokasional;
- (iv) melaksanakan program pendidikan prasekolah;
- (v) melaksanakan program pintar cerdas;
- (vi) melaksanakan program pembangunan infrastruktur dan kerja-kerja selenggaraan;
- (vii) pembinaan Institusi Pendidikan Khas Negara;
- (viii) melaksanakan Pendidikan Inklusif;
- (ix) mewujudkan 'strategic alliance' dengan persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat;

- (x) menambah dan menggantikan peralatan seperti brailler, alat-alat bantuan pendengaran, peralatan kelengkapan asrama, komputer, menambahkan lagi kod tangan bahasa Melayu dan menyiapkan kod braille al-Quran; dan
- (xi) membina 9 buah sekolah baru untuk menggantikan sekolah-sekolah khas yang sedia ada yang tertangguh pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 17(4) Majlis Mesyuarat hari ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin..

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.48 petang.***